



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak



TICKET TO VICTORY PENDIDIKAN MORAL

Learn, Feel & Apply

TINGKATAN 4 & 5

SEKTOR PEMBELAJARAN

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

PENDAHULUAN

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama guru-guru cemerlang telah menghasilkan *Ticket To Victory* yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penghasilan modul ini hasil sumbangan tenaga guru - guru negeri Perak mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi mata pelajaran Sejarah, Geografi dan Pendidikan Moral berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021.

Ticket To Victory disediakan dalam format dokumen mudah alih (*pdf*) dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan kerja rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina item soalan mengikut format SPM. Justeru itu, diharap penggunaan *Ticket to Victory* dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu “*We Deliver*”.

Sektor Pembelajaran,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
JalanTawas Baru Utara,
Tasek Damai,
30010, Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-2922745 /05-292 3603
Faks: 05-2923851

Hak Cipta Terpelihara 2021





Seuntai Bicara, Segunung Harapan
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul *Ticket To Victory* ini berjaya dihasilkan.

Modul ini dihasilkan oleh Bidang Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Pejabat Pendidikan Daerah, Guru Cemerlang dan Jurulatih Utama mata pelajaran yang berpengalaman. Modul ini mengandungi mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan Geografi.

Perubahan format peperiksaan SPM tahun 2021 dan pembelajaran secara maya khususnya bagi calon-calon SPM merupakan cabaran yang perlu dilalui dengan strategi yang dirancang dengan teliti oleh JPN, PPD dan sekolah. Pembinaan modul ini diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM melaksanakan latihan berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti.

Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini.

Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian. Terima kasih.

DR. MOHD SUHAIMI B. MOHAMED ALI, PCM
Pengarah Pendidikan Negeri Perak
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



Cetusan Rasa, Pemangkin Minda

TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN,
SEKTOR PEMBELAJARAN,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM negeri Perak.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, Modul *Ticket To Victory* ini dapat direalisasikan. Modul ini melibatkan mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan Geografi.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bidang Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, JPN Perak dan semua panel penggubal modul yang terdiri daripada guru cemerlang, jurulatih utama mata pelajaran dan guru berpengalaman yang telah bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran sehingga berjaya menghasilkan modul ini mengikut masa yang ditetapkan.

Penghasilan Modul *Ticket To Victory* ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Perak untuk menyediakan sumber pembelajaran dan latihan kepada calon-calon SPM. Pemilihan item soalan adalah merangkumi pelbagai aras kesukaran bagi setiap mata pelajaran. Soalan - soalan telah disusun berdasarkan format pentaksiran yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah.

Saya amat yakin penggunaan modul ini dan juga komitmen semua yang terlibat akan memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan murid di negeri Perak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Sekian. Terima kasih.

PUAN HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP

Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Jawatankuasa

PEMBINAAN MODUL MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN MORAL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PERINGKAT NEGERI PERAK 2021



PENAUNG

DR. SUHAIMI BIN MOHAMED ALI

PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK



PENASIHAT

HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED

TIMBALAN PENGARAH SEKTOR PEMBELAJARAN

Penghargaan

SEKTOR PEMBELAJARAN
UNIT SAINS SOSIAL

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver



PENGARAH PROGRAM

TN. HJ. AHMAD LUTFI BIN ABU BAKAR

KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN



PENVELARAS PROGRAM

MOHD DZULKIFLY BIN MUSANIF

PENOLONG PENGARAH SAINS SOSIAL

Jawatankuasa Teknikal & Kawalan Mutu



EN. AHMAD TARMIZI BIN ZAINAL ABIDIN
PENOLONG PENGARAH SAINS SOSIAL



EN. MEGAT MUHAMMAD AZHAN BIN MEGAT RAFIE
PENOLONG PENGARAH SAINS SOSIAL



PN. VIJAYALACHEMY A/P R. SUBRAMANIAM
PEGAWAI SISC+ PPD KINTA UTARA



PN. KAMARIAH BINTI ZAIN'NUL ABIDIN
PENOLONG PENGARAH SAINS SOSIAL



EN. KOGINDRAN A/L SOLUMUTHU
PELAJAR PHD PENDIDIKAN MORAL UPSI



CIK BARATHI A/P SANTHASARAN
PENULIS BUKU TEKS KSSM TINGKATAN 4 & 5

Panel

PEMBINA SOALAN

MODUL MELETOP A+



KETUA PANEL PEMBINAAN ITEM SOALAN

ENCIK MURUGAN A/L KANDASAMY
SMK TANJONG RAMBUTAN, IPOH



PEN. KETUA PANEL

ENCIK AHMAD HAWARI BIN HASINE
SMK METHODIST (ACS), SG. SIPUT (U)



AHLI PANEL

ENCIK KAHLIDAS A/L RAJA RATNAM
SMK DARUL RIDWAN, TAIPING



AHLI PANEL

ENCIK HANAN BIN MOHAMED NOR
SMK ST. ANTHONY, TELUK INTAN



AHLI PANEL

ENCIK ANTARAN A/L MUNIANDY
SMK CHANGKAT BERUAS, BERUAS



AHLI PANEL

PUAN NISHA A/P KRISHNAN MOORTHY
SMK RAJA PEREMPUAN, IPOH



AHLI PANEL

CIK KOGILA A/P MUNIANDY
SMJK NAN HWA, SITIAWAN



AHLI PANEL

PUAN NORA JULITA BINTI JOHAR
SMK CHENDERANG, TEMOH



AHLI PANEL

PUAN HASHIMAH BINTI HATTA
SMK SERI KELEDANG, IPOH



AHLI PANEL

PUAN RAJASRI A/P LOGONATHAN
SMK TASEK DAMAI, IPOH



AHLI PANEL

PUAN SITI QUZWA BINTI SAHADDIN
SMK CONVENT, SITIAWAN



AHLI PANEL

PUAN SITI KHATIJAH BINTI AZIS
SMK HORLEY METHODIST, TELUK INTAN



AHLI PANEL

PUAN ANURATHA BAI A/P SUBRAMANIAM
SMK HUTAN MELINTANG, BAGAN DATUK



AHLI PANEL

PUAN ZURAIDA BINTI ISMAIL
SMJK KRIAN, PARIT BUNTAR

FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PENDIDIKAN MORAL 1225/1 TAHUN 2021

BIL.	PERKARA	KERTAS 1225		
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis		
2	Jenis Item	• Subjektif respons terhad • Subjektif respons terbuka		
3	Bilangan Soalan	Bahagian A 50 markah 5 Soalan (Jawab semua soalan)	Bahagian B 10 markah 2 Soalan (Jawab satu soalan sahaja)	Bahagian C 40 markah 2 Soalan (Jawab semua soalan)
4	Jumlah Markah	100 Markah		
5	Konstruk	• Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta		
6	Tempoh Ujian	2 jam 30 minit		
7	Cakupan Konteks	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan 5)		
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3: 2		
9	Kaedah Penskoran	• Analitik • Holistik		

18 NILAI UNIVERSAL

NILAI	MAKSUD
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Baik hati	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Bertanggungjawab	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.
Berdikari	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung pada orang lain.
Harga diri	Berupaya menjaga maruah diri.
Kebebasan	Bebas melakukan sesuatu tertakluk pada peraturan dan undang-undang.
Patriotisme	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
Rasional	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.

Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 5*



Pendidikan Moral

TINGKATAN 4

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

FOKUS UTAMA



Nilai Universal

Mengandungi soalan yang berkaitan dengan nilai yang diaplikasikan berdasarkan situasi yang diberikan.



Dimensi Moral

Mengandungi soalan yang menguji pemahaman murid dalam menyelesaikan sesuatu situasi yang diberikan dengan menggunakan domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.

Penaakulan Moral: Keupayaan mental untuk menaakul, iaitu membuat pertimbangan moral dalam situasi yang kabur atau berkonflik nilai demi mengenal pasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan jahat atau salah.

Emosi Moral: Kesedaran emosi moral melahirkan kepedulian dan hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul.

Perlakuan Moral: Tindakan moral yang berkaitan antara penaakulan moral dengan emosi moral.



Dilema Moral

Memberikan fokus kepada situasi yang menimbulkan dilema kepada seseorang untuk membuat pilihan tindakan yang patut dan wajar dalam menyelesaikan situasi tersebut.

Sumber: Buku Teks *Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM 2021*

ISI KANDUNGAN

BIDANG 5 INSAN BERMORAL

- UNIT 1:** Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan
UNIT 2: Peribadi Mulia Hiasan Diri
UNIT 3: Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan
UNIT 4: Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika


BIDANG 6 JATI DIRI MORAL

- UNIT 5:** Mantap Integriti Mantaplah Jati Diri
UNIT 6: Keluarga Berintegriti Keluarga Disegani
UNIT 7: Berperikemanusiaan Membentuk Masyarakat Sejahtera

BIDANG 7 MORAL DAN KENEGARAAN

- UNIT 8:** Hak dan Tanggungjawab Warganegara
UNIT 9: Perpaduan Masyarakat Asas Kemakmuran Negara
UNIT 10: Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika
UNIT 11: Keunikan Rakyat Malaysia
UNIT 12: Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama

Sumber: Buku Teks *Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM 2021*



BIDANG 5 **INSAN BERMORAL**

Bidang Insan Bermoral membincangkan ciri insan bermoral berkeperibadian mulia yang mampu menjadi suri teladan yang baik, bersikap adil, prihatin dan mempraktikkan amalan bermoral yang diterima oleh masyarakat. Insan bermoral sentiasa menghormati agama dan kepercayaan serta menyayangi diri dan orang lain. Insan bermoral juga mampu membuat keputusan dengan menggunakan sumber dan maklumat secara autonomi berdasarkan norma masyarakat.

Sumber: Buku Teks *Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM 2021*

TINGKATAN 4

BIDANG 5 INSAN BERMORAL

Unit 1: Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan

Standard Kandungan	5.1 Norma Masyarakat
Standard Pembelajaran	5.1.1 Maksud norma masyarakat 5.1.2 Contoh norma masyarakat 5.1.3 Kepentingan amalan norma masyarakat dalam kehidupan harian 5.1.4 Kesan pengabaian norma dalam kehidupan harian.

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Monolog di bawah ialah keluhan seorang bapa setelah melihat keadaan taman permainan.

Dalam kawasan perumahan ini, ada sebuah taman permainan untuk kanak-kanak. Tapi keadaannya sungguh menyedihkan. Semua peralatan permainan dan tandas awam juga rosak. Telefon awam juga rosak. Kesian kanak-kanak, nak main pun tak ada tempat.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 6)

- (a) Nyatakan **tiga** punca berlakunya kerosakan dalam taman permainan.

- (i) _____

 (ii) _____

 (iii) _____

[3 markah]

- (b) Berikan amalan norma masyarakat yang sepatutnya diamalkan oleh penduduk taman tersebut.

[2 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan amalan norma masyarakat yang perlu diikuti oleh penduduk untuk menjaga keamanan setempat.

[2 markah]

- (d) Senaraikan kesan sekiranya norma masyarakat diabaikan dalam keadaan di atas.

(a)

(b)

(c)

[3 markah]

Bahagian B

[10 *markah*]

Jawab soaln berikut

- 2 Maklumat berikut berkaitan Bakul Prihatin Negara yang diadakan bagi membantu rakyat yang memerlukan.



(Sumber: <https://www.jkm.gov.my/>)

Hasrat kerajaan dalam mengajar masyarakat semangat kejiranan dengan memperkenalkan Bakul Prihatin Negara bagi membantu masyarakat dalam musim pandemik. Huraikan peranan masyarakat dalam mengamalkan norma masyarakat dalam menjayakan program di atas berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

[illegible]

[Sila gunakan helaian tambahan jika ruangan jawapan anda tidak mencukupi]

Bahagian C
[20 markah]
Jawab **semua** soalan.

- 3 Pernyataan di bawah, menunjukkan contoh perilaku yang sering berlaku dalam kalangan remaja.

Cara berkomunikasi yang kurang sopan dalam kalangan remaja merupakan contoh perilaku yang bertentangan daripada norma masyarakat.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 7)

- (a) Merujuk kepada pernyataan di atas, sebagai seorang remaja bagaimana anda boleh menunjukkan cara berkomunikasi yang sopan dalam masyarakat berdasarkan nilai universal.
[10 markah]
- (b) Bincangkan peranan ibu bapa dalam membimbing remaja menjadi manusia beradab mengikut norma masyarakat.
[10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

Soalan Struktur

Soalan	Butiran/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	H1 Sifat tidak bertanggungjawab penduduk H2 Sifat tidak menghargai kemudahan awam H3 Tidak peduli dengan keselesaan orang lain H4 Sikap ingin merosakkan harta benda awam <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(b)	H1 Bekerjasama menjaga kemudahan awam H2 Sentiasa membersihkan kawasan taman H3 Melaporkan kes kerosakan kepada pihak berkuasa H4 Memantau keadaan kemudahan awam H6 Mengumpul dana untuk memperbaiki kemudahan yang rosak <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(c)	H1 Wujud suasana hidup bermasyarakat H2 Tanamkan semangat bekerjasama H3 Ada sifat ambil tahu/peduli norma masyarakat H4 Tahu peraturan khas penggunaan kemudahan awam H5 Mendidik masyarakat berdisiplin <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(d)	H1 Kemudahan awam yang disediakan rosak H2 Membahayakan keselamatan penduduk H3 Amalan sifat kurang beradab/bersopan H4 Wujud sikap tidak peduli/penting diri <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 3m]

BAHAGIAN B

Soalan Esei

Soalan	Butiran/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Hormat N2 Hemah Tinggi N3 Toleransi N4 Kesederhanaan N5 Kebebasan N6 Bertanggungjawab N7 Rasional N8 Kasih sayang N9 Patriotisme	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 2m]
	H1 Mempromosikan kempen ini kepada keluarga/jiran/rakan H2 Membuat kutipan barang yang diperlukan untuk bakul tersebut secara kutipan tangan/talian H3 Mendaftar sebagai sukarelawan program H4 Mendedahkan golongan muda/remaja tentang norma membantu masyarakat H5 Membuat poster iklan di media sosial H6 Menghantar bakul prihatin kepada jiran yang memerlukan H7 Menasihati masyarakat setempat dengan berbincang tentang cara perlaksanaan H8 Mengambil gambar kerja amal/muat naik dalam laman sosial (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 8m]

Soalan Esei

Soalan	Butiran/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	H1 Menggunakan perkataan yang sopan H2 Menunjukkan perlakuan yang sopan/baik H3 Menghormati pendapat orang lain H4 Menerima kritikan/teguran orang lain H5 Tidak berdendam dengan orang lain H6 Menunjukkan didikan moral yang baik H7 Mengamalkan nilai murni dalam pergaulan seharian H8 Menghormati orang tua/ibu bapa/ahli keluarga/jiran/rakan H9 Mematuhi peraturan/undang-undang H10 Menghormati pegawai polis/penjawat awam <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 10m]
3(b)	H1 Memberi didikan agama H2 Menasihati cara perlakuan/pertuturan H3 Meluangkan masa bersama H4 Mengenali latarbelakang rakan sebaya H5 Memantau pergaulan/pergerakan H6 Memantau penggunaan gadget H7 Memantau masa menonton televisyen H8 Memantau pelajaran anak-anak H9 Menjadi pendengar yang baik H10 Menjadi suri teladan <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 10m]

TINGKATAN 4

BIDANG 5 INSAN BERMORAL

Unit 2: Peribadi Mulia Hiasan Diri

Standard Kandungan	5.2 Individu Berkeperibadian Mulia
Standard Pembelajaran	5.2.2 Menghuraikan dengan contoh cara mempraktikkan keperibadian mulia. 5.2.3 Memerihalkan kepentingan mempunyai keperibadian mulia. 5.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian.

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Soalan berdasarkan petikan di bawah.

Tamak
 Ingin memiliki sesuatu tanpa batasan
 (Sumber: *Dewan Bahasa dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat*)

- (a) Selain tamak, berikan contoh tingkah laku yang bukan berkeperibadian mulia yang anda tahu.

- (i) _____
 (ii) _____
 (iii) _____

[3 markah]

- (b) Soalan berdasarkan petikan di bawah.

Setiap individu perlu mengetahui kepentingan berkeperibadian mulia agar tidak mudah terpengaruh dengan ponteng kelas
 (Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 20)

Sekiranya rakan anda terlibat dengan tabiat negatif seperti ponteng kelas apakah perasaan anda? Nyatakan tindakan anda.

[3 markah]

(c) Senaraikan **dua** nilai universal yang lain yang patut diamalkan oleh rakan anda.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(d) Berikan maksud **satu** nilai universal yang anda nyatakan dalam soalan (c) di atas.

[2 markah]

Bahagian B

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

2 Soalan berdasarkan petikan di bawah.

Shangeetha dan Woon Kha Wen adalah pengawas di SMK Changkat Beruas, Perak. Mereka sangat rajin dan sentiasa membantu rakan-rakan dan para guru di sekolah. Mereka sentiasa menjalankan tugas yang diberikan dengan amanah dan tepat pada masanya.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 20)

Sebagai pelajar sekolah, terangkan kepentingan mempunyai sikap berkeperibadian mulia ini berdasarkan nilai universal yang anda pelajari. [10 markah]

Bahagian C
[20 markah]
Jawab **semua** soalan.

3 Soalan berdasarkan petikan berita di bawah.

GEORGETOWN: Golongan pelajar diminta peka dengan kepentingan memelihara maruah diri bagi memastikan mereka dapat menjadi masyarakat yang bertanggungjawab

(Sumber: *Berita Harian*, 11 Ogos 2016)

- (a) Huraikan cara-cara menjaga maruah diri dalam aktiviti yang berfaedah bagi menjaga imej diri. [10 markah]

Sikap berkeperibadian mulia memberi kesan dalam kehidupan pelajar

- (b) Anda bersetuju dengan pernyataan tersebut. Jelaskan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi / Huraian	Markah
1(a)	H1 Tidak bercakap benar/menipu H2 Tidak bersopan/bersikap kasar H3 Tidak menerima pendapat orang lain H4 Mudah putus asa H5 Perbuatan khianat dan bersangka buruk H6 Mementingkan diri sendiri H7 Tidak jujur H8 Pemarah/Tidak sabar <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(b)	J Sedih/Kecewa H1 Memberitahu guru tingkatan/guru disiplin/Kaunselor H1 Menegur kesalahan/Menasihati rakan dengan cara yang baik <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 [Maksimum 3m]
1(c)	N1 Kepercayaan kepada Tuhan N2 Hemah Tinggi N3 Harga Diri	1 1 1 [Maksimum 2m]
1(d)	Nilai Kepercayaan Kepada Tuhan bermaksud keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara Nilai Hemah tinggi bermaksud beradab sopan dan berbudi pekerti mulia Nilai Harga diri bermaksud berupaya menjaga maruah diri <i>*Penerangan calon wajib berkaitan dengan situasi soalan dan maksud munasabah adalah diterima</i>	2 2 2 [Maksimum 2m]

Bahagian B
Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	H1 Sanggup menghadapi cabaran	1
	H2 Sentiasa bersyukur	1
	H3 Bekerjasama/saling menolong	1
	H4 Bersikap amanah	1
	H5 Sederhana dalam pertuturan/perlakuan	1
	H6 Berjimat cermat dalam perbelanjaan	1
	H7 Bertolak ansur	1
	H8 Sentiasa melakukan perkara positif	1
	H9 Disenangi ramai	1
	H10 Dihormati/dipandang mulia oleh orang lain	1
	H11 Suri teladan kepada orang lain	1
	H12 Mencapai matlamat hidup yang diinginkan	1
	H13 Menjamin kebahagiaan dalam kehidupan	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi /Huraian/Contoh	Markah
3(a)	H1 Mengamalkan ajaran agama/menghadiri kelas agama	1
	H2 Mendengar/mematuhi nasihat ibu bapa	1
	H3 Menjaga batasan pergaulan sesama rakan sebaya	1
	H4 Menjauhkan diri dari aktiviti sosial yang mencemarkan maruah keluarga	1
	H5 Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan	1
	H6 Bersukan/beriadah	1
	H7 Aktif dalam persatuan/kelab	1
	H8 Menghadiri bengkel kemahiran	1
	H9 Aktiviti bersama keluarga	1
	H10 Mengikuti aktiviti kerohanian	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]
3(b)	H1 Sentiasa positif	1
	H2 Berkeyakinan tinggi	1
	H3 Berjaya dalam hidup	1
	H4 Dipandang mulia/dihormati/disanjung	1
	H5 Mudah terpengaruh oleh rakan sebaya yang tidak bermoral	1
	H6 Mudah terjebak dalam gejala negatif	1
	H7 Sentiasa berasa rendah diri/menganggap diri tidak bernilai	1
	H8 Maruah keluarga terjejas	1
	H9 Maruah diri/imej/nama baik akan tercemar	1
	H10 Menjejaskan pelajaran/masa depan gelap	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]

TINGKATAN 4

BIDANG 5 INSAN BERMORAL

Unit 3: Prinsip Keadilan Dan Prinsip Keprihatinan Dalam Membuat Keputusan

Standard Kandungan	5.3 Prinsip Keadilan Dan Prinsip Keprihatinan Dalam Membuat Keputusan
Standard Pembelajaran	5.3.1 Menyenaraikan contoh prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan. 5.3.3 Memberikan kepentingan membuat keputusan antara prinsip keadilan dan keprihatinan berdasarkan situasi.

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Maklumat berikut berkaitan satu kebakaran di kawasan perumahan.

Satu kebakaran besar telah memusnahkan dua buah rumah berkembar di sebuah perumahan. Semua penghuni yang menjadi mangsa kebakaran itu telah kehilangan tempat tinggal dan harta benda.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 40)

- (a) Sebagai jiran terdekat di kawasan perumahan tersebut, nyatakan contoh prinsip keprihatinan yang perlu ada dalam diri anda selepas mengetahui keadaan tersebut.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

[3 markah]

- (b) Apakah perasaan anda dapat membantu mangsa kebakaran? Cadangkan **dua** bantuan yang boleh diberikan kepada mangsa kebakaran.

[3 markah]

(c) Berikan kebaikan mengamalkan prinsip keprihatinan dalam kehidupan seharian?

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

Bahagian B

[10 *markah*]

Jawab soaln berikut.

2 Maklumat di bawah tentang seorang remaja perempuan Orang Kelainan Upaya (OKU).

SEREMBAN: Mahkamah telah melucutkan hak penjagaan terhadap seorang remaja perempuan Orang Kelainan Upaya (OKU) berusia 13 tahun yang didakwa telah didera di sebuah pusat jagaan di Wangsa Maju, di ibu negara pada Jun lalu.

(Sumber: *Sinar Harian*, 12 Juli 2021)

Berdasarkan maklumat di atas, huraikan kesan terhadap remaja OKU tersebut jika kes ini diabaikan. Jawapan anda perlu berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.

[10 markah]

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and extend across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 3 Teliti kenyataan akhbar di bawah dan jawab soalan berikut.

JOHOR BAHRU: Seorang pegawai bank dihukum penjara empat tahun dan dikenakan tiga kali sebatan oleh Mahkamah Majistret Johor Bahru selepas didapati bersalah melakukan pecah amanah. Sebelum hukuman dijatuhkan, tertuduh memohon hukuman ringan dengan alasan dia seorang sahaja yang bekerja untuk menyara keluarga, mempunyai anak Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ini merupakan kesalahan pertamanya. Dia juga berjanji tidak akan mengulangi kesalahannya.

(Sumber: *Harian Metro*, 3 Oktober 2017)

- (a) Merujuk kepada kenyataan akhbar di atas, wajarkah tindakan pegawai bank itu? Huraikan justifikasi anda berdasarkan nilai universal. [10 markah]
- (b) Bincangkan kepentingan membuat keputusan mengikut prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan yang telah diambil oleh pihak mahkamah dalam situasi tersebut. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	H1 Bersikap berperikemanusiaan dengan menunjukkan sikap simpati terhadap mangsa kebakaran H2 Bermurah hati dengan memberikan bantuan kewangan H3 Meluangkan masa membantu mangsa kebakaran dengan memberikan tempat tinggal sementara H4 Bersikap kepedulian dengan membantu menelefon bomba <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(b)	J1 Gembira/ seronok H1 Keperluan asas H2 Bantuan kewangan H3 Sokongan moral/motivasi <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(c)	H1 Membantu golongan yang memerlukan H2 Dapat meringankan beban mangsa kebakaran H3 Hidup secara harmoni H4 Saling membantu di kawasan kejiranan H5 Memupuk semangat perpaduan kaum H6 Tidak membiarkan jiran tanpa memberi bantuan <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Kasih Sayang	1
	N2 Rasional	1
	N3 Bertanggungjawab	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Berasa tidak disayangi	1
	H2 Tidak dihargai oleh orang sekeliling	1
	H3 Menyebabkan kecederaan yang parah	1
	H4 Berada dalam risiko yang berbahaya	1
	H5 Boleh menyebabkan kematian	1
	H6 Gangguan emosi terhadap remaja OKU/trauma	1
	H7 Tumbesaran terbantut/susah membesar dengan sihat	1
	H8 Sentiasa berasa takut/tidak selamat	1
	H9 Tidak mahu berjumpa dengan orang yang tidak dikenali	1
	H10 Sukar mempercayai orang lain yang ingin membantu (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	J1 Wajar	1
	N1 Rasional	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	N3 Kasih sayang	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Ingin menanggung keluarga dan anak OKU	1
	H2 Mengutamakan keluarga melebihi segalanya	1
	H3 Tidak mahu keluarga rasa susah	1
	H4 Sanggup berkorban untuk keluarga	1
	H5 Terpaksa melakukan perbuatan tersebut untuk kesenangan hidup	1
	H6 Ingin keluarga rasa bahagia	1
	H7 Memberi keperluan asas yang cukup untuk keluarga	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 8m]
	Atau	
	J1 Tidak wajar	1
	N1 Rasional	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	H1 Pecah amanah merupakan perbuatan yang salah disisi undang-undang	1
	H2 Dikenakan hukuman	1
	H3 Menjejaskan nama baik/imej diri/keluarga	1
	H4 Diberhentikan kerja/sukar mendapat kerja lain	1
	H5 Nama disenarai hitam	1
	H6 Sukar mendapat kepercayaan orang lain	1
H7 Hidup tidak tenteram/berasa bersalah jika melakukan kesalahan	1	
(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 8m]	

3(b)	H1 Keputusan yang diambil secara adil/tidak berat sebelah H2 Pesalah akan berasa insaf H3 Berasa takut untuk mengulangi kesalahan H4 Menjamin keharmonian hidup/tidak melakukan pecah amanah/hidup aman H5 Pesalah akan berusaha bersungguh-sungguh bekerja untuk menyara keluarganya H6 Beri peluang untuk menebus kesalahan H7 Menjaga hak kemanusiaan sejagat (dapat mohon ringankan hukuman) H8 Mengelakkan berlakunya perselisihan faham dalam mahkamah H9 Menjamin keamanan perbicaraan kes H10 Mengurangkan kesedihan keluarga (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 10m]
------	--	---

TINGKATAN 4**BIDANG 5 INSAN BERMORAL****Unit 4: Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Secara Beretika**

Standard Kandungan	5.4 Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Secara Beretika
Standard Pembelajaran	5.4.1 Menyenaraikan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi 5.4.2 Menjelaskan kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi merupakan sistem yang membolehkan pengumpulan, pengurusan, manipulasi, perolehan dan komunikasi maklumat dalam pelbagai bentuk.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 46)

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan **dua** etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kehidupan anda.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

- (b) Merujuk pada jawapan di (a), mengapakah kita perlu menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.

(i) _____

(ii) _____

[4 markah]



- (c) Jelaskan nilai universal yang perlu diamalkan oleh pengguna teknologi maklumat dan komunikasi.

[2 markah]

- (d) Jika anda adalah seorang pengguna bijak dan penuh beretika ketika menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi, apakah perasaan anda? Berikan alasan.

[2 markah]

Bahagian B**[10 markah]**

Jawab soalan berikut.

- 2 Gambar berikut menunjukkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam bidang pendidikan.



(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 48)

Bagaimanakah anda memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dalam aspek pembelajaran. Bincangkan. **[10 markah]**

Bahagian C
[20 *markah*]
Jawab **semua** soalan.

3 Maklumat berikut berkaitan dengan buli siber.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang tidak beretika turut menjadi punca berlakunya buli siber.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 53)

- (a) Anda bersetuju dengan pernyataan di atas. Bincangkan nilai universal yang perlu diamalkan oleh pengguna yang melakukan buli siber. [10 *markah*]

- (b) Sekiranya anda adalah mangsa buli siber, bagaimanakah anda dapat mencegah masalah tersebut daripada berulang. [10 *markah*]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Esei

Soalan	Isi / Huraian	Markah
1(a)	H1 Tidak memuat naik isu sensitif H2 Tidak menyebarkan maklumat palsu H3 Tidak menceroboh data pihak/individu lain H4 Tidak menyebarkan virus yang boleh melumpuhkan sesuatu sistem H5 Berintegriti dalam memberikan maklumat yang betul untuk sebarang penggunaan dalam talian H6 Berkomunikasi secara berhemah dalam talian <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(b)	F1 Berkongsi maklumat H1 Maklumat diperoleh dengan mudah/pantas F2 Memudahkan hubungan sosial H2 Komunikasi secara maya F3 Meningkatkan kualiti pendidikan H3 Mampu menarik minat murid F4 Menjimatkan kos dan masa H4 Kos panggilan telefon dan pengangkutan dapat dijimatkan <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]
1(c)	N1 Rasional H1 Berfikir tentang kesan pengabaian penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika N2 Bertanggungjawab H2 Pengguna teknologi maklumat perlu berintegriti dalam menyebarkan sebarang maklumat/berita <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(d)	J1 Gembira/Bangga H1 Menggunakan teknologi dengan baik/beretika H2 Tidak pernah menyebarkan maklumat palsu <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 [Maksimum 2m]

Bahagian B


Soalan Esei

Soalan	Isi / Huraian	Markah
2	F1 Mengikuti kelas PDPR	1
	H1 Belajar menerusi pelantar <i>Google classroom/Google Meet</i>	1
	F2 Menjimatkan masa dalam pencarian sesuatu informasi	1
	H2 Maklumat/informasi dapat dikumpul dengan segera	1
	F3 Memudahkan cara komunikasi	1
	H3 Bertanya kepada guru/rakan sekiranya tidak faham	1
	F4 Meningkatkan kemahiran dalam penggunaan pelbagai aplikasi proses pembelajaran	1
	H4 Memudahkan penghantaran tugas/lembaran kerja	1
	F5 Meningkatkan ilmu pengetahuan	1
	H5 Perbincangan kumpulan/mesyuarat dapat diadakan secara telesidang	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi / Huraian	Markah
3(a)	N1 Rasional	1
	N2 Harga Diri	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Memikirkan kesan buli siber	1
	H2 Mangsa boleh menjadi murung/trauma/tekanan	1
	H3 Tidak memuat naik maklumat negatif	1
	H4 Mangsa mengalami gangguan emosi	1
	H5 Mematuhi peraturan/undang-undang siber	1
	H6 Dikenakan tindakan undang-undang	1
	H7 Menghargai nyawa mangsa buli	1
3(b)	H8 Memahami perasaan mangsa buli siber (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 9m]
3(b)	H1 Menjaga maklumat diri sendiri	1
	H2 Merahsiakan nama pengguna/kata laluan	1
	H3 Tidak berkongsi butiran peribadi di laman sosial	1
	H4 Tukar tetapan kepada persendirian	1
	H5 Bincang dengan ibu bapa	1
	H6 Dapatkan sokongan/nasihat/dorongan	1
	H7 Membuat aduan kepada pihak berkuasa	1
	H8 Simpan mesej yang diterima sebagai bukti	1
	H9 Tidak membalas sebarang mesej	1
	H10 Menyekat pembuli di semua media (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 10m]



BIDANG **JATI DIRI MORAL**

Bidang Jati Diri Moral membincangkan keunikan dan keistimewaan aspek agama, bangsa, budaya dan bahasa yang menjadi teras dan lambang ketinggian peribadi individu dan jati diri bangsa. Bidang tersebut memfokuskan integriti diri dan keluarga, serta unsur perikemanusiaan yang menyumbang ke arah kesejahteraan diri dan masyarakat.

Sumber: Buku Teks *Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM 2021*

TINGKATAN 4**BIDANG 6 JATI DIRI MORAL****Unit 5: Mantap Integriti Mantaplah Jati Diri**

Standard Kandungan	6.1 Integriti Individu
Standard Pembelajaran	6.1.1 Mentakrifkan maksud integriti individu. 6.1.2 Memerihalkan kepentingan integriti individu dalam setiap perlakuan.

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

1 Maklumat berikut berkaitan dengan perbuatan meniru oleh seorang murid.

Thina selalu ponteng kelas dan tidak hadir ke sekolah. Semasa peperiksaan sedang dijalankan, Thina cuba meniru dari kawan sebelahnya Ravi.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 66)

(a) Nyatakan **dua** punca yang menyebabkan perbuatan meniru berlaku dalam kalangan murid.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** nilai universal yang patut diamalkan oleh murid supaya tidak meniru dalam peperiksaan.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(c) Berikan **tiga** kesan meniru dalam kalangan murid.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]



(d) Pada pendapat anda, mengapakah perbuatan meniru perlu dielakkan?

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3markah]

Bahagian B

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan amalan integriti dalam menjalankan tugas.

Dylan seorang ketua pengawas sekolah yang jujur dan bertanggungjawab. Suatu hari, Dylan ditugaskan oleh guru disiplin untuk membuat pemeriksaan di setiap kelas. Semasa membuat pemeriksaan tersebut, Dylan mendapati rakan karibnya telah membawa barang terlarang ke sekolah. Rakannya merayu agar Dylan tidak merampas barang terlarang tersebut dan berjanji tidak akan mengulangi perkara itu lagi.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 66)

Sekiranya anda berada dalam situasi Dylan, apakah tindakan anda? Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari. [10 markah]

Bahagian C

[10 markah]

Jawab **semua** soalan

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan perbuatan **plagiarisme** dalam kalangan murid sekolah. *Plagiarisme merupakan perbuatan meniru atau mengutip sebahagian atau semua karya orang lain untuk melakukan tugas dan mengakui karya tersebut sebagai usaha sendiri.*

Seorang guru telah memberikan tugas kepada kelas anda. Ketika menyiapkan tugas tersebut, anda ternampak rakan anda memuat turun pelbagai bahan tanpa mengambil kira hak cipta bahan tersebut. Dia memaklumkan bahawa semua bahan tersebut merupakan hak miliknya.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 70)

- (a) Apakah tindakan yang akan anda lakukan? Berikan justifikasi anda. [10 markah]
- (b) Apakah implikasi perbuatan plagiarisme dalam kalangan murid sekolah. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi / Huraian	Markah
1(a)	H1 Mengambil jalan pintas untuk berjaya H2 Malas berusaha H3 Tiada keyakinan diri H4 Tiada minat untuk belajar <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(b)	N1 Kejujuran N2 Bertanggungjawab N3 Rasional N4 Berdikari N5 Harga Diri	1 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(c)	H1 Dikenakan tindakan disiplin H2 Maruah diri/keluarga akan tercemar H3 Malas berusaha H4 Gelap masa depan H5 Ketinggalan dalam pelajaran <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(d)	H1 Supaya sentiasa berusaha H2 Memelihara maruah diri/keluarga H3 Menjadikan diri seorang yang jujur H4 Berusaha dengan titik peluh sendiri H5 Tidak dipandang hina oleh orang lain H6 Mengelakkan kebergantungan kepada orang lain H7 Menilai kemampuan diri sendiri <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]

Bahagian B
Soalan Esei

Soalan	Isi /Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Rasional	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	N3 Kejujuran	1
		[Maksimum 2m]
	F1 Memberi teguran yang membina	1
	H1 Supaya insaf akan perbuatannya	1
	F2 Melaporkan kepada guru disiplin	1
	H2 Diambil tindakan agar murid lain tidak melakukan perkara yang sama.	1
	F3 Menunjukkan teladan yang baik	1
	H3 Maruah diri tidak tercalar	1
	F4 Bersikap tegas dalam menjalankan tugas	1
	H4 Melaksanakan peraturan sekolah kepada semua murid	1
	H4 Tidak pilih kasih semasa menjalankan tugas	1
	H4 Meningkatkan imej pengawas sekolah	1
	H4 Menemani rakan untuk sesi kaunseling	1
	H4 Membantu pihak sekolah menjalankan kempen kesedaran (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi /Huraian/Contoh	Markah
3(a)	F1 Amanah ketika menyiapkan tugas H1 Dapat mengelakkan diri dari perbuatan plagiarisme orang lain. F2 Menguruskan masa dengan baik H2 Dapat menyiapkan tugas dalam masa yang ditetapkan. F3 Yakin dengan kebolehan diri sendiri H3 Dapat menghasilkan tugas yang asli/berkualiti F4 Pengurusan emosi/diri yang baik/ H4 Memotivasikan diri untuk menyiapkan tugas. F5 Bersedia dari segi mental/fizikal/rohani H5 Supaya proses menyiapkan tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna. H5 Mengelakkan diri tertekan dengan tugas yang banyak H5 Menyediakan jadual kerja <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 10m]
3(b)	H1 Menafikan hak diri sendiri untuk belajar secara ilmiah H2 Menjejaskan hubungan dengan rakan sebaya H3 Boleh dikenakan tindakan disiplin. H4 Diberi markah yang rendah pada tugas H5 Maruah/imej diri/keluarga akan tercemar H6 Menjadi malas untuk berusaha H7 Masa depan yang gelap H8 Ketinggalan dalam pelajaran H9 Hidup selalu bergantung kepada orang lain H10 Tiada keyakinan diri dalam melaksanakan sebarang tugas H11 Disisih oleh rakan/masyarakat. <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 10m]

TINGKATAN 4**BIDANG 6 JATI DIRI MORAL****Unit 6: Keluarga Berintegriti Keluarga Disegani**

Standard Kandungan	6.2 Integriti keluarga
Standard Pembelajaran	6.2.1 Ciri Integriti keluarga 6.2.2 Contoh Integriti keluarga 6.2.3 Cara memupuk integriti keluarga 6.2.4 Implikasi perbuatan yang tidak berintegriti terhadap keluarga

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

1 Maklumat berikut berkaitan integriti keluarga.

Keluarga merupakan institusi yang amat penting dalam sesebuah masyarakat. Setiap manusia inginkan sebuah keluarga yang bahagia. Salah satu faktor penting dalam pembinaan keluarga bahagia ialah integriti keluarga.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 76)

(a) Berikan **dua** contoh integriti keluarga.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

(b) Senaraikan ciri-ciri integriti keluarga.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

(c) Terangkan **dua** cara memupuk integriti keluarga.

(i) _____

(ii) _____

[4 markah]

Bahagian B

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 2 Petikan di bawah menceritakan kehidupan warga emas di pusat jagaan orang tua.

Antara amalan integriti yang perlu diamalkan oleh anak-anak ialah memastikan penglibatan warga tua dalam semua aktiviti keluarga yang dijalankan. Walau bagaimanapun, terdapat ramai anak yang tidak sanggup menjaga ibu bapa mereka yang tua dan uzur. Oleh itu, mereka membuat keputusan menghantar ibu bapa ke rumah jagaan tua.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 80)

Tindakan anak-anak tersebut adalah tidak wajar. Terangkan cara yang patut dilakukan oleh anak-anak untuk melaksanakan tanggungjawab integriti terhadap ibu bapa.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

Bahagian C
[20 markah]
Jawab **semua** soalan

3 Gambar di bawah menunjukkan situasi yang berlaku dalam sesebuah keluarga.



(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, Halaman 83)

- (a) Huraikan langkah-langkah untuk memupuk integriti dalam kalangan anggota keluarga. Jawapan anda perlu berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 markah]

- (b) Bincangkan implikasi perbuatan tidak berintegriti terhadap anggota keluarga.

[10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	F1 Amanah dengan anggota keluarga F2 Bincang dengan keluarga jika ada masalah F3 Tidak memalukan ahli keluarga <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 [Maksimum 2m]
1(b)	F1 Penyayang F2 Amanah F3 Melaksanakan tugas F4 Saling menghormati <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 4m]
1(c)	F1 Memberi penghargaan kepada anggota keluarga. F2 Meraikan sambutan hari lahir/ulangtahun perkahwinan/Hari Ibu/Hari Bapa F3 Memberi layanan baik kepada anggota keluarga. F4 Tidak pilih kasih F5 Menyayangi/menghormati anggota keluarga. F6 Mendengar cerita/luahan anggota keluarga. <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Bertanggungjawab	1
	N2 Kasih sayang	1
	N3 Rasional	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Memikul tugas dalam keluarga dengan sempurna	1
	H2 Menjaga ibu bapa yang sudah tua	1
	H3 Melaksanakan tugas sebagai anak dengan baik	1
	H4 Mempunyai perasaan sayang berkekalan	1
	H5 Mengelakkan diri daripada menghantar ke rumah orang tua	1
	H6 Menjaga ibu bapa yang telah uzur	1
	H7 Menjalankan kewajipan terhadap keluarga.	1
	H8 Menghadapi suka duka bersama-sama keluarga.	1
	H9 Membentuk keluarga yang harmoni	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	N1 Kasih sayang N2 Toleransi	1 1 [Maksimum 2m]
	F1 Meraikan hari istimewa bersama-sama keluarga H1 Memberi penghargaan kepada anggota keluarga H1 Mengeratkan hubungan keluarga H1 Meraikan hari lahir anggota keluarga F2 Tidak pilih kasih membuat keputusan H2 Memberi layanan adil kepada semua H2 Tiada perasaan tidak puas hati. H2 Memberi bantuan kepada ahli keluarga yang memerlukan (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 9m]
3(b)	F1 Kerosakan akhlak H1 Menjatuhkan imej keluarga H1 Menjejaskan masa hadapan H1 Disisihkan oleh masyarakat. F2 Terlibat dalam gejala sosial H2 Bergaul dengan individu yang bermasalah H2 Mencemarkan maruah diri individu H2 Penyalahgunaan dadah F3 Perselisihan faham dengan anggota keluarga. H3 Keluarga tidak harmoni H3 Berlaku perceraian H3 Pilih kasih dalam keluarga (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 10m]

TINGKATAN 4

BIDANG 6 JATI DIRI MORAL

Unit 7: Berperikemanusiaan Membentuk Masyarakat Sejahtera

Standard Kandungan	6.3 Berperikemanusiaan untuk Kesejahteraan Masyarakat
Standard Pembelajaran	6.3.2 Mengenal pasti perlakuan berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat. 6.3.3 Menghuraikan kepentingan berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat. 6.3.4 Meramalkan kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat. 6.3.6 Mengamalkan sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat dalam kehidupan harian.

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

1 Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

Tarvin mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Dia mendapat tawaran ke sekolah berasrama penuh. Dia bercita-cita tinggi untuk mencapai impiannya agar dapat mengubah nasib keluarganya. Oleh sebab kedaifan keluarganya, Tarvin terpaksa mengumpul pelbagai barangan kitar semula. Dia menjual barangan kitar semula tersebut untuk menampung wang yuran pendaftaran sekolah. Pada hari pendaftaran, Tarvin ditemani oleh kakaknya. Dia hanya membawa wang pendaftaran sahaja. Ketika mendaftar, Tarvin baru menyedari bahawa dia perlu membuat bayaran tambahan untuk keperluan lain.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 98)

(a) Apakah perasaan anda apabila berada dalam situasi Tarvin? Beri alasan anda.

[2 markah]

(b) Nyatakan perlakuan berperikemanusiaan yang boleh dilakukan untuk membantu Tarvin dalam situasi di atas.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

(c) Bagaimanakah perlakuan di (b) dapat memberikan kesan terhadap masa hadapan Tarvin?

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

(d) Berikan **tiga** nilai universal yang berupaya membentuk masyarakat yang berperikemanusiaan dalam kehidupan seharian.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

Bahagian B**[10 markah]**

Jawab soalan berikut.

2 Teliti isu kemanusiaan di bawah.

Seorang pemuda OKU datang ke pejabat pos untuk membayar pelbagai bil utiliti. Ketika sampai di pejabat pos, dia mendapati banyak orang sedang berbaris panjang. Dia beratur untuk mendapatkan gilirannya.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 97)

Sekiranya anda berada dalam barisan itu, jelaskan tingkah laku berperikemanusiaan yang patut dilakukan? Berikan justifikasi anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

3 Teliti tajuk berita berkaitan dengan isu penderaan kanak-kanak. Kemudian jawab soalan berikut.

Isu Penderaan Kanak-Kanak		
Ibu dera anak yang enggan buat kerja rumah dipenjara 14 hari.	Pengasuh kanak-kanak direman tujuh hari kerana disyaki mendera kanak-kanak.	Bapa didakwa bunuh bayi sendiri dihukum penjara.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 95)

- (a) Bagaimanakah amalan nilai universal dapat membantu mencegah perlakuan tidak berperikemanusiaan terhadap kanak-kanak? Bincangkan. [10 markah]
- (b) Huraikan kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap isu penderaan kanak-kanak. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	J1 Gembira/Bangga/Bersyukur	1
	H1 Menyambung pelajaran ke Sekolah Berasrama Penuh	1
	H1 Berjaya mengumpul wang untuk pendaftaran	1
	H1 Impiannya untuk mengubah nasib keluarga semakin dekat	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 2m]
1(b)	H1 Memberi sumbangan duit/membuat kutipan wang untuk Tarvin	1
	H2 Mencadangkan pinjaman pendidikan/Tabung Pendidikan	1
	H3 Berkongsi kisah Tarvin dalam media sosial	1
	H4 Berhubung dengan AJK kebajikan/PIBG untuk bantuan	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 3m]
1(c)	H1 Tarvin dapat mencapai cita-citanya	1
	H2 Tarvin dapat mengubah nasib keluarganya	1
	H3 Tarvin akan berjaya dalam hidupnya	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 2m]
1(d)	N1 Kepercayaan kepada Tuhan	1
	N2 Baik hati	1
	N3 Hemah tinggi	1
	N4 Kasih sayang	1
	N5 Berterima kasih	1
		[Maksimum 3m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Baik hati	1
	N2 Kepercayaan kepada Tuhan	1
	N3 Hemah tinggi	1
	N4 Rasional	1
	N5 Kasih sayang	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Berikan tempat duduk	1
	H2 Bersikap prihatin	1
	H3 Menolong pemuda membuat bayaran/bil	1
	H4 Memberikan nombor giliran kepada pemuda itu	1
	H5 Berbual dengan pemuda OKU supaya tidak berasa tersisih	1
	H6 Memastikan keselamatan terjamin	1
	H7 Memohon kakitangan bank memberikan layanan khas	1
	H8 Memohon pengawal bank memberikan keistimewaan	1
	H9 Pelanggan lain memberikan bantuan	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	N1 Kepercayaan kepada Tuhan	1
	N2 Baik hati	1
	N3 Hemah tinggi	1
	N4 Kasih sayang	1
	N5 Rasional	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Anak adalah anugerah daripada Tuhan	1
	H2 Mengelakkan diri daripada melakukan penderaan	1
	H3 Mempunyai sikap empati/simpati terhadap kanak-kanak	1
	H4 Memberi perhatian/layanan yang baik kepada kanak-kanak	1
	H5 Memberikan keperluan asas kepada kanak-kanak	1
	H6 Memberikan rawatan sekiranya sakit	1
	H7 Menjadikan kanak-kanak orang yang berilmu pengetahuan/aset negara	1
	H8 Kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada anasir jahat	1
	H9 Mewujudkan masyarakat yang prihatin/penyayang (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 9m]
3(b)	H1 Keluarga akan mengalami trauma/tekanan emosi	1
	H2 Kebajikan kanak-kanak akan terabai	1
	H3 Mangsa penderaan akan tersisih/masa depan terjejas	1
	H4 Mementingkan diri sendiri/menjadi individualistik	1
	H5 Kanak-kanak takut untuk mempercayai orang lain	1
	H6 Mengancam keselamatan/kesihatan diri	1
	H7 Kanak-kanak akan membesar menjadi orang yang bengis/pemarah	1
	H8 Kanak-kanak akan mengalami masalah pembelajaran	1
	H9 Kes penderaan semakin meningkat (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 10m]



BIDANG **7** **MORAL DAN KENEGARAAN**

Bidang Moral dan Kenegaraan menghubungkan konsep moral dengan kenegaraan dalam kehidupan bermasyarakat. Bidang tersebut membincangkan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara yang mengamalkan perpaduan, menguruskan perbelanjaan secara beretika serta berbangga sebagai rakyat Malaysia dalam mengekalkan keunikan dan kedaulatan negara.

Sumber: Buku Teks *Pendidikan Moral Tingkatan 4* KSSM 2021

TINGKATAN 4

BIDANG 7 MORAL DAN KENEGARAAN

Unit 8: Hak Dan Tanggungjawab Warganegara

Standard Kandungan	7.1 Hak dan tanggungjawab sebagai warganegara berlandaskan perlembagaan Malaysia.
Standard Pembelajaran	7.1.2 Menghuraikan kepentingan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. 7.1.3 Mencerakinkan kesan pengabaian hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. 7.1.5 Mengekspresikan perasaan apabila mempunyai hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. 7.1.6 Mengamalkan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara dalam kehidupan harian.

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Maklumat di bawah berkaitan dengan salah seorang tokoh yang mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia.

Datin Paduka (Dr.) Mother A. Mangalam

- Dikenali sebagai “Mother Mangalam”.
- Presiden, The Pure Life Society yang ditubuhkan pada tahun 1949 bersama-sama dengan Swami Satyananda untuk melindungi hak anak-anak yatim.
- The Pure Life Society merupakan rumah kebajikan bukan kerajaan yang pertama di Malaysia.
- Pertubuhan ini telah memberikan harapan kepada lebih daripada 2000 anak yatim tanpa mengira kaum.
- Beliau menerima pelbagai anugerah atas jasa dan tanggungjawabnya yang menjaga kebajikan golongan yang berkeperluan.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 118)

- (a) Nyatakan **dua** nilai universal yang diamalkan oleh Datin Paduka (Dr.) Mother A. Mangalam untuk menjadi seorang warganegara yang baik.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

(b) Pada pandangan anda, mengapakah beliau mempertahankan hak asasi manusia?

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

(c) Ramalkan kesan sekiranya hak asasi manusia diabaikan.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

Bahagian B

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 2 Maklumat di bawah berkaitan dengan kejadian banjir di negara kita.

Banjir Di Pahang Meningkat

Kuantan: Hujan berterusan yang masuk hari ke dua menyebabkan jumlah mangsa banjir di Pahang terus meningkat kepada 1290 mangsa membabitkan 331 keluarga yang ditempatkan di 12 pusat pemindahan sementara (PPS) dua daerah, setakat jam 10 malam.

(Sumber: *Berita Harian*, 12 Jan 2018)

Berdasarkan maklumat di atas, bagaimanakah masyarakat prihatin dapat membantu mangsa banjir? Jawapan anda mestilah berdasarkan nilai universal yang dipelajari.
[10 markah]

Bahagian C[20 *markah*]Jawab **semua** soalan.

- 3 Maklumat di bawah berkaitan dengan isu pencemaran yang boleh menjejaskan kualiti kehidupan masyarakat.

Kualiti Sungai Semakin Merosot

Isu krisis bekalan air yang berpunca daripada pencemaran sungai perlu diberi perhatian sewajarnya kerana akses kepada bekalan air minuman bersih sangat penting untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan kesihatan rakyat Malaysia. Memandangkan 98% daripada bekalan air tawar negara berasal dari sungai, maka status dan kualiti air sungai perlu dipantau selalu agar sentiasa dalam keadaan baik dan lestari.

(Sumber: *Sinar Harian*, 17 November 2020)

- (a) Berdasarkan kepada perkara di atas, bincangkan langkah-langkah untuk menjaga sungai dari tercemar berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 *markah*]
- (b) Apakah perasaan anda apabila melihat sungai yang tercemar? Ramalkan kesan sekiranya isu pencemaran ini masih berlarutan. [10 *markah*]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	N1 Bertanggungjawab N2 Rasional N3 Patriotisme N4 Kasih sayang N5 Baik hati	1 1 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(b)	H1 Mewujudkan keamanan/kemakmuran H2 Mengelakkan perselisihan faham H3 Merapatkan jurang antara kaum H4 Mengelakkan diskriminasi H5 Meningkatkan taraf hidup sosial H6 Menjamin kebebasan hak asasi warganegara <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]
1(c)	H1 Tersisih daripada masyarakat H2 Berlaku perselisihan faham H3 Imej negara tercemar H4 Taraf hidup terjejas H5 Berlaku diskriminasi H6 Mengancam keselamatan <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Bertanggungjawab	1
	N2 Rasional	1
	N3 Baik hati	1
	N4 Kasih sayang	1
	N5 Kerajinan	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Memberikan barangan keperluan/makanan/pakaian	1
	H2 Mendermakan wang/dana	1
	H3 Membantu memperbaiki rumah yang rosak	1
	H4 Membantu membersihkan rumah yang kotor akibat lumpur semasa banjir	1
	H5 Membantu memberikan sokongan moral	1
	H6 Menyertai anggota sukarelawan RELA/NGO menjaga keselamatan/kebajikan mangsa di pusat pemindahan sementara	1
	H7 Membantu menjaga kebersihan di pusat pemindahan Sementara	1
	H8 Menyimpan dokumen-dokumen penting ditempat yang selamat	1
	H9 Memberikan/menyediakan tempat tinggal sementara yang selesa	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	N1 Bertanggungjawab N2 Rasional N3 Kerjasama N4 Kasih sayang N5 Keberanian F1 Membuat laporan kepada pihak berkuasa H1 Supaya pesalah dikenakan hukuman F2 Tidak membuang sampah ke dalam sungai H2 Membuang sampah ke dalam tong sampah/kitar semula F3 Menyertai aktiviti komuniti alam sekitar H3 Melibatkan diri dalam aktiviti kitar semula F4 Kerajaan menguatkuasakan undang-undang H4 Mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah/penjara /denda F5 Menganjurkan kempen kesedaran H5 Mengadakan aktiviti ceramah berkaitan kepentingan sungai/JAS F6 Pihak berkuasa (JAS) membuat pemantauan berkala H6 Membuat rondaan/lawatan ke kawasan yang berisiko tercemar <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 [Maksimum 2m] 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 8m]
3(b)	J1 Sedih/kecewa/terkilan/marah H1 Nelayan hilang punca pendapatan H2 Menjejaskan kesihatan H3 Berlaku pencemaran bau/bau busuk H4 Hidupan akuatik mati H5 Kekurangan sumber makanan/protein H6 Sungai menjadi cetek H7 Banjir H8 Kekurangan sumber air bersih H9 Imej negara tercemar H10 Sektor pelancongan terjejas <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 [Maksimum 1m] 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 9m]

TINGKATAN 4

BIDANG 7: MORAL DAN KENEGARAAN

Unit 9: Perpaduan Masyarakat Asas Kemakmuran Negara

Standard Kandungan	7.2 Perpaduan Dalam Masyarakat
Standard Pembelajaran	7.2.4 Menghuraikan cabaran dalam membentuk amalan perpaduan masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. 7.2.5 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan perpaduan dalam masyarakat yang berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan peranan sukan.

Salah satu peranan sukan adalah membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 130)

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, apakah perasaan anda apabila dapat menyertai sukan yang melibatkan masyarakat berbilang kaum? Berikan alasan anda.

[3 markah]

- (b) Jelaskan nilai universal yang patut dipraktikkan ketika menyertai sesuatu perlawanan sukan.

[3 markah]

(c) Terangkan **dua** cabaran dalam memupuk perpaduan masyarakat yang berbilang kaum.

- (i) _____

- (ii) _____

[4 markah]

Bahagian B
[10 markah]
Jawab soalan berikut.

- 2 Pernyataan di bawah ini adalah berkaitan peranan setiap rakyat dalam menjaga keharmonian negara.

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

(JABATAN PERDANA MENTERI)

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 123)

Bagaimanakah golongan remaja dapat menggunakan media sosial untuk menerapkan amalan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum? Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 3 Pernyataan di bawah ini adalah berkaitan dengan kejayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan.

BAHASA KEBANGSAAN

- Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152(1) menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 131)

- (a) Merujuk kepada pernyataan di atas, sebagai rakyat Malaysia yang mengutamakan perpaduan kaum, bincangkan amalan perpaduan lain yang boleh diamalkan berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]
- (b) Amalan perpaduan di atas mampu membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu dan mempunyai semangat kekitaan. Berikan komen anda. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	J1 Gembira/Bangga/Suka	1
	H1 Dapat turut serta bersama pelbagai kaum	1
	H1 Tidak bersikap prejudis antara satu dengan yang lain	1
	H1 Dapat berkenalan	1
	H1 Berinteraksi sesama atlet yang lain	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 3m]
1(b)	N1 Patriotisme	1
	N2 Hormat	1
	N3 Toleransi	1
	N4 Hemah Tinggi	1
	N5 Kerjasama	1
	N6 Rasional	1
	H1 Saling menghormati/bertolak ansur dalam menjalani aktiviti sukan	1
	H2 Berkomunikasi/bergaul secara sopan	1
	H3 Menjalinkan persahabatan/silaturahim yang erat	1
	H4 Menunjukkan semangat kesukanan demi negara	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 3m]
1(c)	H1 Penyebaran maklumat palsu/negatif	1
	H2 Penggunaan media sosial tanpa had	1
	H3 Kurang menerima/menghormati/mengurus	1
	H4 Prejudis terhadap kaum lain	1
	H5 Penguasaan bahasa kebangsaan yang lemah	1
	H6 Kurangnya pemahaman agama/kebudayaan kaum lain	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 4m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Bertanggungjawab	1
	N2 Rasional	1
	N3 Patriotisme	1
	N4 Hormat	1
	N5 Harga Diri	1
	N6 Kerjasama	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Mewujudkan kumpulan perpaduan di media sosial pelbagai lapisan masyarakat/kaum	1
	H2 Memuat naik maklumat/e-kempen kepentingan perpaduan	1
	H3 Saling bekerjasama/berkongsi dengan rakan di luar/dalam negara perihal keharmonian kaum	1
	H4 Tidak menulis komen/pendapat negatif/bersifat perkauman	1
	H5 Mengelakkan diri daripada menyebarkan isu hasutan/kebencian	1
	H6 Cuba meredakan isu-isu/persepsi negatif	1
	H7 Mencipta tanda pagar ‘hashtag’ perpaduan	1
	H8 Mencipta laman web/blogspot berkaitan hubungan kemanusiaan	1
	H9 Mematuhi etika penggunaan sumber dan maklumat (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	N1 Patriotisme	1
	N2 Baik hati	1
	N3 Hemah tinggi	1
	N4 Toleransi	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Mewujudkan komunikasi mesra kaum	1
	H2 Melibatkan diri program kenegaraan	1
	H3 Sentiasa mengibarkan Jalur Gemilang	1
	H4 Memberi sokongan kepada pasukan negara	1
	H5 Melibatkan pelbagai kaum dalam sesuatu acara/sukan/riadah/kebudayaan	1
	H6 Bersama dalam program kelestarian alam sekitar	1
	H7 Saling menghormati budaya/adat resam	1
	H8 Menganjurkan/melibatkan diri dalam program rumah terbuka perayaan	1
	H9 Menunjukkan dukacita kepada rakan/jiran/kaum lain yang ditimpa kemalangan/kehilangan nyawa (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 9m]
3(b)	H1 Mewujudkan suasana aman/harmoni	1
	H2 Memperkukuhkan perpaduan	1
	H3 Mengeratkan hubungan sesama anggota masyarakat	1
	H4 Meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik	1
	H5 Memupuk semangat kekitaan/sifat kepunyaan bersama dalam kalangan masyarakat	1
	H6 Masyarakat saling menghormati antara satu dengan yang lain	1
	H7 Jurang sosial/ekonomi dalam masyarakat dapat dikurangkan	1
	H8 Setiap individu dalam masyarakat mengetahui peranan masing-masing dengan betul	1
	H9 Tiada persengketaan/perbalahan akibat prasangka buruk	1
	H10 Saling membantu antara satu sama lain sebagai keluarga yang besar (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 10m]

TINGKATAN 4

BIDANG 7 MORAL DAN KENEGARAAN

Unit 10: Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika

Standard Kandungan	7.1	Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika
Standard Pembelajaran	7.3.2 7.3.3 7.3.4	Menjelaskan cara menguruskan perbelanjaan secara beretika Menghuraikan kepentingan pengurusan perbelanjaan secara beretika untuk kesejahteraan hidup Meramalkan kesan perbelanjaan tidak beretika kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- Maklumat berikut berkaitan dengan budaya menabung.

Profesor Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Shazali Abu Mansor, berkata sebahagian besar rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk menghadapi situasi kecemasan, termasuk ketika pandemik COVID-19 melanda, sekali gus menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada bantuan dan subsidi kerajaan. "Budaya menabung dalam kalangan rakyat kita masih rendah sebab sebahagian mereka seperti penjawat awam menganggap sudah ada pencen. Bagi pekerja swasta, mereka beranggapan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sudah cukup untuk menyara masa tuanya. "Jadi, stigma ini secara langsung mendorong rakyat untuk tidak menjadikan budaya menabung sebagai perkara penting terutama persediaan apabila berlaku situasi luar jangka, termasuk pandemik COVID-19," katanya.

(Sumber: *Berita Harian*, 31 Oktober 2020)

- Apakah punca yang menyebabkan seseorang individu itu tidak menabung? Jelaskan **dua** jawapan anda.

- _____
- _____

- _____
- _____

[4 markah]

(b) Cadangkan kaedah pengurusan perbelanjaan secara berhemah yang anda amalkan ketika berbelanja.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

(c) Ramalkan kesan yang mungkin berlaku terhadap ekonomi negara sekiranya masyarakat tidak mengurus perbelanjaan secara berhemah.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

Bahagian B

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

2 Jawab soalan berikut berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Bincanglah Sebelum Terlambat

Ancaman pandemik COVID-19 bukan sahaja mencetuskan krisis kesihatan, tetapi turut menjejaskan kedudukan ekonomi dan kewangan anggota masyarakat. Dalam situasi yang genting ini setiap individu perlu lebih bijak menguruskan sumber kewangan masing-masing supaya tidak terjerumus ke dalam perangkap muflis. Kita khuatir kegagalan menguruskan hutang yang ada boleh menyebabkan bilangan rakyat yang diisytihar muflis meningkat secara mendadak. Dalam hal ini, peminjam juga wajar menggunakan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang sentiasa bersedia untuk membantu mereka yang sedang mengalami masalah pembayaran balik pinjaman. Sebelum diisytihar bankrap dan terlambat, peminjam perlu segera rujuk dan mendapatkan khidmat nasihat daripada AKPK kerana mereka tidak boleh membantu selepas diisytihar bankrap.

(Sumber: *Harian Metro*, 7 Jun 2021)

Huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi mengelakkan seseorang individu diisytiharkan muflis. Berikan jawapan berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari.

[10 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

3 Jawab soalan berikut berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Ketika Aina sedang membeli belah di pasar raya, dia telah didatangi seorang ejen bank yang menawarkan pemilikan kad kredit. Ejen bank tersebut membuat penerangan berkaitan faedah dan keistimewaan bagi pemegang kad kredit di samping menyatakan had penggunaan kad kredit tersebut adalah sebanyak RM10 000. Aina juga ditawarkan hadiah sampingan berupa beg pakaian sekiranya mengisi borang permohonan pada hari tersebut.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 144)

- (a) Pada pandangan anda, wajarkah Aina menerima tawaran kad kredit tersebut? Kemukakan alasan-alasan anda berdasarkan nilai-nilai universal yang telah dipelajari. [10 markah]
- (b) Huraikan cara-cara anda mengurus perbelanjaan secara beretika. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	F1 Pendapatan kecil.	1
	H1 Sukar untuk menguruskan kewangan	1
	F2 Kos barangan keperluan	1
	H2 Harga barangan yang meningkat di pasaran semasa	1
	F3 Jumlah tanggungan yang banyak	1
	H3 Gaji sekadar cukup makan	1
	F4 Perbelanjaan tidak teratur	1
	H4 Tiada perancangan perbelanjaan yang sistematik	1
	F5 Kurang kesedaran kewangan/pendidikan kewangan	1
	H5 Individu kurang cakna kepentingan menabung	1
	F6 Hanya menyimpan/menabung jika ingat	1
	H6 Amalan prinsip belanja dahulu, simpan kemudian (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 4m]
1(b)	F1 Menentukan kedudukan kewangan yang dimiliki	1
	F2 Merancang perbelanjaan berdasarkan wang yang dimiliki	1
	F3 Mengenalpasti/membuat anggaran perbelanjaan	1
	F4 Membuat catatan/mengkategorikan setiap item sebagai keperluan/kehendak	1
	F5 Membuat peruntukan bagi setiap perbelanjaan	1
	F6 Membeli barangan secara tunai/menggunakan kad debit	1
	F7 Tidak membuat belian barangan menggunakan kad kredit.	1
	F8 Berbelanja mengikut kemampuan	1
	F9 Mengelakkan diri daripada membeli barangan berasaskan jenama semata-mata	1
	F10 Tidak terpengaruh dengan jualan murah/jualan dalam talian	1
	F11 Mencatat semua perbelanjaan yang telah dibuat	1
	F12 Menyimpan semua resit pembayaran dengan lebih sistematik untuk dijadikan rujukan/perbelanjaan akan datang (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 4m]

1(c)	F1	Kadar inflasi meningkat	1
	F2	Jumlah barangan import akan meningkat	1
	F3	Kadar keberhutangan dalam kalangan masyarakat akan meningkat	1
	F4	Jumlah pembaziran semakin tinggi	1
	F5	Kos pelupusan barang yang dibuang akan meningkat	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)		[Maksimum 2m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Kesederhanaan	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	N3 Berdikari	1
	N4 Rasional	1
	N5 Kejujuran	1
		[Maksimum 2m]
	F1 Merancang perbelanjaan mengikut keperluan	1
	H1 Membuat anggaran perbelanjaan mengikut keutamaan	1
	H1 Mengutamakan perbelanjaan keperluan asas	1
	H1 Makanan/minuman	1
	F2 Mendisiplinkan diri dalam berbelanja	1
	H2 Berbelanja secara tunai/kad debit	1
	H2 Mengawal penggunaan kad kredit.	1
	H2 Menghindari amalan berhutang	1
	F3 Mendokumentasikan perbelanjaan	1
	H3 Membantu mengawal jumlah perbelanjaan bulanan	1
	H3 Mengenalpasti/menilai semula perbelanjaan sama ada lebih memenuhi keperluan/kehendak	1
	H3 Menjadi rujukan untuk merancang perbelanjaan bulan berikutnya	1
	F4 Tidak mudah dipengaruhi oleh jualan murah	1
	H4 Berbelanja ikut kemampuan	1
	H4 Membeli barang yang diperlukan sahaja	1
	H4 Elakkan berbelanja mengikut nafsu	1
	F5 Mempelajari ilmu menguruskan kewangan/perbelanjaan	1
	H5 Mengikuti kursus berkaitan pengurusan kewangan	1
	H5 Melengkapkan diri dengan ilmu pengurusan kewangan agar tidak mudah ditipu/scammer	1
	F6 Pendedahan pendidikan kewangan dari peringkat awal	1
	H6 Ibu bapa menerapkan amalan menabung sejak kecil	1
	H6 Menjadi sebahagian daripada kandungan akademik dalam matapelajaran utama	1
	H6 Menganjurkan program berkaitan Pendidikan Kewangan di peringkat tadika/pra sekolah	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3 (a)	J1 Wajar	1 [Maksimum 1m]
	N1 Kesederhanaan	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	N3 Berdikari	1
	N4 Rasional	1
	N5 Kejujuran	1 [Maksimum 2m]
	F1 Menjamin keselamatan wang Aina	1
	H1 Kad kredit diperkenalkan untuk memudahkan transaksi wang yang tinggi jumlahnya	1
	H1 Mengelakkan risiko kecurian/kehilangan/keciciran wang tunai ketika urusan jual beli	1
	H1 Keselamatan wang Aina terjamin tanpa perlu membawa wang tunai dengan jumlah yang banyak	1
	H1 Proses verifikasi/pengesahan serta penggunaan pin yang digunakan dapat menghalang kes penggunaan kad kredit oleh orang lain	1
	F2 Mendapat rebat/baucar	1
	H2 Pelbagai tawaran hadiah/rebat/baucar/diskaun untuk Aina	1
	H2 Penggunaan yang banyak membolehkan Aina mengumpul mata kredit	1
	H2 Mata kredit yang banyak boleh ditukarkan kepada perkakasan/peralatan yang ditawarkan	1
	F3 Sebagai alternatif jika berlaku kecemasan	1
	H3 Kad kredit juga didatangkan dengan perlindungan insurans	1
	H3 Sekiranya berlaku kemalangan kad kredit boleh digunakan.	1
	H4 Apabila berlaku kemalangan/mendapat rawatan di hospital ketika melancong ke luar negara (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 8m]
	Atau	

	J1	Tidak Wajar	1 [Maksimum 1m]
	N1	Kesederhanaan	1
	N2	Bertanggungjawab	1
	N3	Berdikari	1
	N4	Rasional	1
	N5	Kejujuran	1 [Maksimum 2m]
	F1	Terdedah kepada penyalahgunaan/ penyelewengan data	1
	H1	Penggunaan kad kredit adalah menggunakan transaksi secara elektronik/perkakasan komputer	1
	H1	Data Aina boleh diambil oleh sindiket penipuan dengan cara menggodam sistem perbankan	1
	H1	Nombor cvv yang boleh diambil ketika membuat pembelian di kedai/dalam talian	1 1
	H1	Pengklonan/pemalsuan kad kredit	1
	F2	Melahirkan budaya suka berhutang	1
	H2	Bersikap boros dalam berbelanja	1
	H2	Mengamalkan gaya hidup mewah	1
	H2	Memenuhi kehendak/keinginan	1
	H2	Berbelanja tanpa sedar	1
	F3	Berisiko muflis jika Aina tidak membayar hutang/tunggakan dalam tempoh tertentu	1
	H3	Kadar faedah yang tinggi akan dikenakan sekiranya Aina tidak membuat bayaran dalam tempoh bebas faedah (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 8m]
3(b)	H1	Membuat peruntukan	1
	H2	Memastikan jumlah wang yang dimiliki	1
	H3	Membuat senarai barangan yang ingin dibeli	1
	H4	Membeli barangan secara tunai	1
	H5	Tidak terpengaruh dengan jualan murah	1
	H6	Membawa wang yang secukupnya	1
	H7	Mengelakkan pembelian barangan yang tidak diperlukan	1
	H8	Berdisiplin ketika berbelanja	1
	H9	Mengelakkan pembelian barangan yang mahal	1
	H10	Membuat perbandingan harga (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 10m]

TINGKATAN 4

BIDANG 7 MORAL DAN KENEGARAAN

UNIT 11: Keunikan Rakyat Malaysia

Standard Kandungan	7.4 Keunikan Rakyat Malaysia
Standard Pembelajaran	7.4.1 Menyenaraikan keunikan rakyat Malaysia dari segi agama, bangsa, budaya dan bahasa. 7.4.2 Menjelaskan kepentingan keunikan rakyat Malaysia. 7.4.3 Menghuraikan cabaran keunikan rakyat Malaysia. 7.4.4 Merancang strategi untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. 7.4.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Petikan akhbar di bawah menunjukkan nikmat perkongsian yang diamalkan oleh rakyat Malaysia.

Nikmat Perkongsian Rakyat Malaysia

Malaysia sebuah negara yang unik kerana rakyatnya pelbagai kaum. Ungkapan itulah yang sudah tertanam dalam minda kita sejak berpuluh tahun lamanya. Tidak salah kita terus berpegang kepada ungkapan itu kerana ia adalah keistimewaan yang ada pada negara kita. Perpaduan menjadi kunci utama kepada kejayaan membina negara sejak merdeka dan kita sebenarnya berkongsi banyak perkara. Kita berkongsi raya, cuti, angpau dan duit raya.

(Sumber: *Sinar Harian*, 29 Januari 2020)

- (a) Nyatakan **dua** nilai universal yang telah diamalkan oleh rakyat Malaysia dalam petikan akhbar di atas.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

- (b) Apakah perasaan anda apabila membaca petikan akhbar di atas? Jelaskan.

[2 markah]

- (c) Keunikan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia ini memberikan banyak kebaikan.

Senaraikan **empat** kebaikan tersebut.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

- (d) Selain berkongsi raya, cuti, angpau dan duit raya, apakah contoh perkongsian lain yang sering diamalkan oleh rakyat Malaysia?

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

Bahagian B

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 2 Pernyataan berikut berkaitan budaya unik rumah terbuka yang diamalkan oleh rakyat Malaysia.

Budaya unik rumah terbuka wajar diteruskan

Amalan rumah terbuka adalah keunikan yang ada di Malaysia dan tidak ada di negara lain. Tradisi ini perlu diteruskan dan perlu menjadi contoh kepada generasi baharu bahawa negara ini mempunyai cara tersendiri untuk memupuk perpaduan dan keharmonian antara kaum.

(Sumber: *Berita Harian*, 26 Julai 2015)

Huraikan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan oleh semua pihak dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia seperti budaya rumah terbuka di atas. Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 3 Dialog berikut antara dua orang murid tentang makanan yang digemari oleh mereka.

Sandra : Saya suka makan laksa Sarawak, laksa Penang, nasi kerabu dan tose.
Hani : Wah! Saya tidak sangka awak pandai makan semua makanan ini.
Sandra : Kenapa awak cakap begitu? Bukankah negara kita kaya dengan pelbagai etnik dan budaya. Kita harus cuba makanan-makanan tersebut. Barulah ada kesepaduan sosial dan menunjukkan keunikan rakyat Malaysia.
Hani : Maafiah Sandra, tekak saya memang tidak boleh terima makanan tersebut. Tapi kalau pizza, ramen, kimchi, burger dan sushi. Eemmm, sedap sangat!

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 165)

- (a) Merujuk situasi di atas, sikap yang ditunjukkan oleh Hani adalah tidak wajar. Berikan justifikasi anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

- (b) Huraikan cabaran dalam mengekalkan keunikan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	N1 Rasional	1
	N2 Toleransi	1
	N3 Hormat	1
	N4 Kerjasama	1
	N5 Kesederhanaan	1
	N6 Bertanggungjawab	1
		[Maksimum 2m]
1(b)	J1 Gembira/Seronok/Bangga	1
		[Maksimum 1m]
	H1 Sikap saling menghormati antara kaum	1
	H1 Kehidupan rakyat Malaysia yang aman damai	1
	H1 Mempelajari budaya/adat resam/tradisi kaum lain	1
	H1 Bersama-sama meraikan kepelbagaian perayaan setiap kaum	1
1(c)	H1 Mewujudkan perpaduan kaum yang erat (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 1m]
	H1 Mengeratkan hubungan sesama anggota masyarakat	1
	H2 Mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia	1
	H3 Mencerminkan identiti negara Malaysia	1
	H4 Meningkatkan imej/maruah negara	1
	H5 Menjamin kehidupan rakyat Malaysia yang aman damai	1
	H6 Mempelajari/mengetahui budaya/adat resam/tradisi kaum lain	1
	H7 Menarik kedatangan pelancong asing/tempatan	1
	H8 Menggalakkan kemasukan pelabur asing	1
	H9 Melahirkan generasi baharu yang mengekalkan kepelbagaian budaya	1
	H10 Memelihara jati diri (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 4m]

1(d)	H1 Makanan tradisi H2 Pakaian tradisi H3 Tarian H4 Alat muzik tradisional H5 Bahasa ibunda H6 Permainan tradisional <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 2m]
------	---	---

Bahagian B
Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Hormat	1
	N2 Rasional	1
	N3 Toleransi	1
	N4 Bertanggungjawab	1
	N5 Kerjasama	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Setiap individu harus menerima/menghormati keunikan semua kaum	1
	H2 Tidak memandang rendah adat/kepercayaan kaum lain	1
	H3 Mengamalkan adat/ budaya ini dalam kehidupan seharian	1
	H4 Setiap individu berkongsi kemeriahan sambutan rumah terbuka di media sosial	1
	H5 Ibu bapa mendidik anak-anak supaya menerima kepelbagaian budaya kaum lain	1
	H6 Ibu bapa membawa anak-anak ke rumah jiran semasa sambutan rumah terbuka	1
	H7 Pihak kerajaan menganjurkan rumah terbuka peringkat kebangsaan pelbagai kaum	1
	H8 Pihak sekolah menganjurkan sambutan perayaan rumah terbuka peringkat sekolah	1
	H9 Menganjurkan kempen kesedaran berkaitan keunikan rumah terbuka	1
	H10 Menerapkan pengetahuan tentang keunikan rumah terbuka dalam mata pelajaran di sekolah (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	N1 Hormat	1
	N2 Rasional	1
	N3 Kesederhanaan	1
	N4 Bertanggungjawab	1
	N5 Patriotisme	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Berbangga dengan makanan tempatan	1
	H2 Terkenal di serata negara/di eksport ke luar negara	1
	H3 Makanan tempatan mempunyai keunikan/daya penarik tersendiri	1
	H4 Keunikan pelbagai makanan tempatan menarik kehadiran pelancong dalam/luar negara	1
	H5 Tidak memandang rendah akan makanan tempatan/tradisional	1
	H6 Mencerminkan identiti budaya sesebuah tempat/negara/kaum	1
	H7 Menularkan/ <i>viral</i> makanan tempatan di media sosial/media cetak	1
	H8 Terus menjaga menu tempatan/tidak tenggelam ditelan zaman	1
	H9 Mengekalkan kesinambungan tamadun	1
	H10 Mengetahui asal usul sesuatu bangsa/kaum (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 9m]
3(b)	F1 Cabaran bahasa	1
	H1 Terdapat kepelbagaian bahasa yang tidak dapat difahami oleh segelintir masyarakat	1
	H1 Menjejaskan komunikasi antara kaum	1
	F2 Cabaran budaya luar	1
	H2 Menghakis jati diri/budaya sesuatu kaum	1
	H2 Mudah terpengaruh dengan budaya dari luar/barat/kpop	1
	H2 Malu untuk mengamalkan budaya /tradisi bangsa sendiri kerana akan dihina/dikutuk ketinggalan zaman	1
		1

	F3 Cabaran sosial	1
	H3 Kecelaruhan identiti bangsa/kaum kerana tidak tahu budaya/tradisi sendiri	1
	H3 Menyebabkan budaya/tradisi semakin dilupakan	1
	F4 Wujudnya polarisasi kaum	
	H4 Mencetuskan konflik yang berpunca daripada sikap tidak menghormati adat/budaya kaum masing-masing	1
	H4 Mewujudkan sikap perkauman	1
	H4 Menjejaskan perpaduan kaum/bangsa/masyarakat	1
	F5 Cabaran teknologi	1
	H5 Ketagihan/fanatik terhadap penggunaan media sosial	1
	H5 Menyebabkan diri terpengaruh melakukan perbuatan yang tidak baik	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 9m]

TINGKATAN 4

BIDANG 7 :MORAL DAN KENEGARAAN

Unit 12 : Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama

Standard Kandungan	7.5 Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama
Standard Pembelajaran	7.5.2 Menghuraikan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara 7.5.3 Meramalkan cabaran dalam mengekalkan kedaulatan negara 7.5.4 Menaakul kesan pengabaian tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

1 Berikut adalah prinsip Rukun Negara

RUKUN NEGARA

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

(Sumber : Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, halaman 176)

- (a) Rakyat Malaysia saling menghormati amalan kaum lain berdasarkan penghayatan Rukun Negara. Beri komen anda.

[2 markah]

(b) Ramalkan kesan sekiranya undang-undang disalahgunakan untuk kepentingan peribadi.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

(c) Terangkan **dua** cara menunjukkan bahawa anda adalah warganegara Malaysia yang baik.

- (i) _____

- (ii) _____

[4 markah]

Bahagian B

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

2 Rajah di bawah menunjukkan isu yang menggugat kedaulatan negara

ISU YANG MENGGUGAT KEDAULATAN NEGARA



(Sumber : *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 179)

Huraikan langkah-langkah yang patut diambil oleh semua pihak untuk menangani isu yang boleh menggugat kedaulatan negara. Jawapan anda adalah berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

3 Teliti tajuk di bawah.

TANGANI ISU PELARIAN

Imigresen sedia laksanakan dasar kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin.

(Sumber : *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*, halaman 179)

- (a) Isu pelarian selalu mendapat perhatian daripada media tempatan dan antarabangsa. Bagaimanakah kehadiran mereka menggugat kedaulatan negara Malaysia? Huraian anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari. [10 markah]
- (b) Huraikan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan bagi menangani isu pelarian Rohingya di negara kita. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	H1 Rakyat hidup bersatu padu/bertolak ansur H2 Negara menjadi aman H3 Imej negara meningkat H4 Menarik pelancong <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(b)	H1 Mengancam keselamatan orang lain H2 Bertindak melampau/berlebih-lebihan H3 Jenayah meningkat H4 Keamanan negara tergugat H5 Ketidakstabilan politik negara H6 Sistem pemerintahan negara tergugat H7 Perpaduan/keharmonian terjejas H8 Rakyat saling bermusuhan <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]
1(c)	H1 Tidak mudah terpengaruh dengan anasir subversif H2 Saling berganding bahu antara rakyat yang berbilang kaum H3 Menguasai ilmu pengetahuan/teknologi H4 Dapat memacu kemajuan negara dalam pelbagai bidang H5 Sentiasa mematuhi peraturan/undang undang negara H6 Keamanan/kemakmuran negara terjamin <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Patriotisme	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	N3 Hormat	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Sistem pemerintahan yang stabil	1
	H2 Tidak menyalahgunakan kuasa	1
	H3 Pemimpin mengelakkan campur tangan kuasa asing dalam pemerintahan negara	1
	H4 Mengelakkan ancaman pengganas	1
	H5 Pihak berkuasa memperketatkan kawalan di sempadan negara/Ops Benteng	1
	H6 Mengelakkan banjir pendatang asing	1
	H7 Melaporkan kepada pihak berkuasa apabila berlaku aktiviti penyeludupan	1
	H8 Pihak berkuasa mengambil tindakan	1
	H9 Mengelakkan imej negara daripada terjejas	1
	H10 Memberi pendedahan kepada anak-anak tentang kepentingan kedaulatan negara	1
	H11 Penerapan nilai murni dalam pengajaran/pembelajaran	1
	H12 Memberi kesedaran tentang pentingnya mempertahankan kedaulatan negara daripada anasir subversif	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	N1 Rasional	1
	N2 Bertanggungjawab	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Mengancam keselamatan negara	1
	H2 Kadar jenayah meningkat	1
	H3 Penularan penyakit berbahaya	1
	H4 Kerajaan menanggung kos perubatan/keperluan mangsa pelarian	1
	H5 Menjejaskan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara asal pelarian	1
	H6 Kekurangan peluang pekerjaan	1
	H7 Rakyat tempatan terpaksa bersaing untuk mencari Pekerjaan	1
(b)	H8 Berlaku masalah pencemaran budaya/amalan	1
	H9 Konflik dalaman yang boleh menjejaskan nama baik /imej negara (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 9m]
	H1 Pengurusan tempat tinggal mangsa pelarian	1
	H2 Kesukaran memberi/menghantar bantuan makanan	1
	H3 Penyediaan pekerjaan	1
	H4 Penyediaan peluang pendidikan	1
	H5 Jaminan hak asasi kanak-kanak	1
	H6 Penjagaan kesihatan mangsa pelarian	1
	H7 Menjejaskan kerjasama antarabangsa	1
	H8 Konflik kebimbangan tentang masalah pelarian di peringkat antarabangsa/PBB	1
(b)	H9 Kesukaran mengadakan rundingan penyelesaian	1
	H10 Berlaku isu kemanusiaan yang jeaskan nama baik negara (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 10m]



Pendidikan Moral

TINGKATAN 5

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

18 NILAI UNIVERSAL

NILAI	MAKSUD
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Baik hati	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Bertanggungjawab	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.
Berdikari	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung pada orang lain.
Harga diri	Berupaya menjaga maruah diri.
Kebebasan	Bebas melakukan sesuatu tertakluk pada peraturan dan undang-undang.
Patriotisme	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
Rasional	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.

Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 5*

FOKUS UTAMA



Dimensi Moral

Mengandungi soalan yang menguji pemahaman murid dalam menyelesaikan sesuatu situasi yang diberikan dengan menggunakan domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.

Penaakulan Moral: Keupayaan mental yang dapat merungkai dan menyelesaikan masalah atau isu moral dengan sebaik-baik mungkin secara autonomi, rasional dan objektif berdasarkan prinsip moral.

Emosi Moral: Kesedaran emosi moral melahirkan kepedulian dan hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Emosi moral boleh diekspresikan dalam bentuk luahan, perasaan, fikiran, gerak hati dan lain-lain.

Perlakuan Moral: Tindakan moral yang berkaitan antara penaakulan moral dengan emosi moral yang dilakukan secara rela hati dengan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti dan berintegriti moral. Dengan itu, murid dapat merungkai dan mencari penyelesaian bagi sebarang isu, konflik atau dilema moral yang dihadapi.



KBAT

Soalan yang boleh meningkatkan keupayaan, kebolehan dan kemahiran murid berfikir secara kritis dan kreatif, membuat penaakulan serta strategi berfikir yang mantap.



Nilai Universal

Merujuk 18 nilai dalam pendidikan moral dan mengandungi soalan yang berkaitan dengan nilai yang diaplikasikan berdasarkan situasi yang diberikan.



Dilema Moral

Memberikan fokus kepada situasi yang menimbulkan dilema kepada seseorang untuk membuat pilihan tindakan yang patut dan wajar dalam menyelesaikan situasi tersebut.



Refleksi

Membolehkan murid memberikan maklum balas dan menilai diri berdasarkan aktiviti dan latihan yang diberikan di samping pengalaman sedia ada murid.

ISI KANDUNGAN

BIDANG 5 INSAN BERMORAL

- UNIT 1:** Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Sejagat
UNIT 2: Ukir Nama di Mata Dunia, Jati Diri Berpisah Tiada
UNIT 3: Kerohanian Membentuk Individu Bermoral
UNIT 4: Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat demi Kesejahteraan Sejagat


BIDANG 6 JATI DIRI MORAL

- UNIT 5:** Integriti Pemacu Kecemerlangan Organisasi
UNIT 6: Pembangunan Negara Bertunjangkan Integriti
UNIT 7: Berperikemanusiaan Pemangkin Kesejahteraan Global

BIDANG 7 MORAL DAN KENEGARAAN

- UNIT 8:** Penglibatan Diri Peneraju Komuniti
UNIT 9: Kerjasama Masyarakat Global
UNIT 10: Pengurusan Kewangan Secara Beretika
Menjamin Keharmonian Hidup
UNIT 11: Malaysia Unggul di Mata Dunia
UNIT 12: Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa

Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 5*



BIDANG 5

INSAN BERMORAL

Bidang Insan Bermoral membina insan bermoral dari aspek norma global dan mengupas tentang nilai bersifat glokal. Selain itu, aspek diberikan penekanan dalam nilai bermoral. Seterusnya, bidang penggunaan sumber dan maklumat kesejahteraan sejagat.

Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 5*

TINGKATAN 5

BIDANG 5 INSAN BERMORAL

Unit 1: Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Sejagat

Standard Kandungan	5.1 Norma Masyarakat Global
Standard Pembelajaran	5.1.1 Memberi maksud norma masyarakat global 5.1.2 Menjelaskan contoh norma masyarakat global 5.1.3 Menghuraikan kepentingan amalan norma masyarakat global 5.1.4 Meramalkan kesan pengabaian norma masyarakat global

BAHAGIAN A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Gambar di bawah menunjukkan Program Kelestarian Alam Sekitar anjuran Pertubuhan WWF (Malaysia).



(Sumber: <https://www.kasa.gov.my>)

- (a) Nyatakan **dua** nilai universal yang perlu diamalkan oleh masyarakat global dalam kempen di atas.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

- (b) Berikan **tiga** jenis aktiviti yang sesuai diadakan dalam Kempen Hari Alam Sekitar Sedunia.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[2 markah]

(c) Nyatakan **tiga** cara masyarakat global boleh terlibat dalam Kempen Alam Sekitar Sedunia.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

(d) Ramalkan **dua** kesan sekiranya masyarakat global mengabaikan kelestarian alam sekitar.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

BAHAGIAN B

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 2 Gambar di bawah menunjukkan beberapa ekor anak harimau yang cuba diseludup ke luar negara.



(Sumber: www.suarasarawak.my)

Kes pemerdagangan haiwan merupakan isu yang tidak asing lagi sehingga menjejaskan kelestarian alam sekitar. Bagaimanakah masyarakat global dapat membantu membanteras kes permerdagangan haiwan? Huraian anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari? [10 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 3 Gambar 1 di bawah menunjukkan poster penderaan kanak-kanak.

(Sumber: www.bosmedia.com)

Kanak-kanak merupakan insan yang berhak dalam hak asasi manusia sedunia. Pengabaian hak asasi manusia membawa kepada kemusnahan norma masyarakat.

- (a) Huraikan kepentingan amalan norma masyarakat global dalam menjaga hak asasi kanak-kanak sedunia. [10 markah]
- (b) Bincangkan kesan kepada masyarakat global sekiranya hak asasi manusia terabai. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi /Huraian/Contoh	Markah
1(a)	N1 Rasional N2 Bertanggungjawab	1 1 [Maksimum 2m]
1(b)	H1 Aktiviti mengumpul barangan plastik H2 Aktiviti menanam pokok H3 Aktiviti gotong royong perdana H4 Aktiviti 5R/kitar semula H5 Aktiviti membersihkan sungai H6 Aktiviti melukis poster H7 Aktiviti “Earth Hour” (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(c)	H1 Menyertai program secara dalam talian H2 Menanam pokok di kawasan rumah H3 Mengadakan aktiviti gotong royong H4 Memuat naik gambar aktiviti dalam laman sosial yang disediakan H5 Melukis poster dan hantar untuk pertandingan (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(d)	H1 Suhu bumi meningkat H2 Keindahan/kebersihan alam sekitar akan terjejas H3 Haiwan akan hilang tempat tinggal H4 Pencemaran alam sekitar akan berlaku H5 Pengurusan sampah sarap terganggu H6 Masalah jerebu akan berlaku (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 2m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/ Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Bertanggungjawab	1
	N2 Rasional	1
	N3 Kasih sayang	1
	N4 Kerjasama	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Menjaga hutan/habitat haiwan	1
	H2 Tidak menebang pokok	1
	H3 Melaporkan kejadian pemburuan haram kepada pihak berkuasa	1
	H4 Berkongsi maklumat kepupusan haiwan di media sosial	1
	H5 Menjadi sukarelawan program <i>Safe the wildlife</i>	1
	H6 Mengajar generasi akan datang tentang haiwan semakin pupus	1
	H7 Terlibat dengan program menjaga hidupan liar	1
	H8 Mematuhi peraturan dan undang-undang berkenaan haiwan/alam sekitar	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi /Huraian/Contoh	Markah
3(a)	H1 Menjaga keperluan/hak kanak-kanak	1
	H2 Menjaga peraturan dan undang-undang berkenaan manusia	1
	H3 Mengelakkan masalah berkaitan penderaan	1
	H4 Memberikan pendidikan formal kepada kanak-kanak	1
	H5 Memberikan kebebasan bersuara kepada kanak-kanak	1
	H6 Memberikan peraasaan sayang dan didikan agama	1
	H7 Mendedahkan kanak-kanak kebebasan diri	1
	H8 Mengelakkan kanak-kanak dijadikan buruh	1
	H9 Melahirkan masyarakat yang lebih perhatin	1
	H10 Mengelakkan kanak-kanak terlibat dengan masalah sosial/pengedaran dadah/pil ecstasy	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]
3(b)	H1 Tiada persefahaman dalam masyarakat global	1
	H2 Hilang hak asasi manusia	1
	H3 Masyarakat menjadi tidak sopan/tidak beradab	1
	H4 Jenayah antarabangsa meningkat	1
	H5 Masalah sosial dalam masyarakat meningkat/kes bunuh/ kes penderaan/penyeludupan meningkat	1
	H6 Masyarakat menjadi individualistik	1
	H7 Interaksi masyarakat global terjejas/penglibatan antara negara berkurangan	1
	H8 Keharmonian masyarakat global terjejas	1
	H9 Peperangan akan meletus	1
	H10 Hilang sifat keprihatinan/kemanusiaan	1
	H11 Masyarakat menjadi lebih materialistik	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]

TINGKATAN 5

BIDANG 5 INSAN BERMORAL

Unit 2: Ukir Nama Di Mata Dunia, Jati Diri Berpisah Tiada

Standard Kandungan	5.2 Individu Global
Standard Pembelajaran	5.2.1 Menjelaskan ciri individu global 5.2.3 Menghuraikan kepentingan menjadi individu global 5.2.6 Mengamalkan sikap individu global dalam kehidupan harian

Bahagian A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Maklumat berikut berkaitan maksud individu global.

Individu Global

Seseorang yang mampu berdaya saing pada peringkat global tetapi berakar umbi atau berpegang teguh pada jati diri lokal, iaitu tempat tumpah darah sendiri.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5*, halaman 18)

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, senaraikan ciri-ciri individu global.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

- (b) Berikan sikap individu global yang perlu ada pada diri seseorang.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]



(c) Nyatakan **dua** nilai universal yang patut ada pada diri seseorang dalam mengamalkan sikap individu global dalam kehidupan harian.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

Bahagian B

[10 *markah*]

Jawab soaln berikut.

2 Soalan berdasarkan maklumat sikap global di bawah.

‘Individu global yang dihasratkan ialah seseorang yang mempunyai ideologi tempatan dan antarabangsa dalam mengurus kehidupan harian. Sikap global merupakan satu aspek penting pada masa ini untuk menghadapi dunia yang semakin mencabar.’

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5*, halaman 20)

Berdasarkan maklumat di atas, bincangkan kepentingan menjadi individu global dalam kehidupan seharian berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 *markah*]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 3 Gambar berikut berkaitan Kempen Beli Barangan Malaysia.



(Sumber: *Astro Awani*, 29 November 2020)

- (a) Berdasarkan gambar di atas, bincangkan kebaikan membeli barangan buatan Malaysia. [10 markah]
- (b) Huraikan cara-cara menggalakkan pengguna tempatan membeli barangan Malaysia berbanding barangan luar negara. Justifikasikan jawapan berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	H1 Mampu bersaing pada peringkat lokal dan global	1
	H2 Memberikan idea yang mencerminkan wawasan bertaraf global	1
	H3 Menerima kepelbagaian budaya lokal dan global	1
	H4 Mempunyai hubungan yang baik pada peringkat lokal dan global	1
	H5 Menyesuaikan diri dengan perubahan dunia tanpa mengabaikan jati diri	1
	H6 Berfikiran positif	1
	H7 Mempunyai pegangan agama yang kukuh (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 4m]
1(b)	H1 Menuntut ilmu sehingga peringkat antarabangsa	1
	H2 Menghormati orang lain	1
	H3 Menjaga tatasusila dalam hubungan dengan pihak luar	1
	H4 Menjadi suri teladan kepada orang lain di peringkat antarabangsa	1
	H5 Menjaga nama baik negara ketika berada di luar negara (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 4m]
1©	N1 Rasional	1
	N2 Harga diri	1
	N3 Hemah tinggi	1
	N4 Patriotisme	1 [Maksimum 2m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Rasional	1
	N2 Harga diri	1
	N3 Patriotisme	1
	N4 Hemah tinggi	1
		[Maksimum 2m]
	F1 Membentuk individu yang kreatif dan inovatif	1
	H1 Melahirkan individu yang mempunyai sikap pemikiran yang berkualiti	1
	H1 Berilmu/berkemahiran dalam membuat keputusan	1
	F2 Menghadapi cabaran global	1
	H2 Mampu mengekalkan identiti lokal	1
	H2 Kemampuan menghadapi cabaran global	1
	F3 Meningkatkan imej negara di persada dunia	1
	H3 Mampu bersaing di peringkat antarabangsa	1
	H3 Mencapai prestasi yang cemerlang	1
	F4 Melestarikan pembangunan negara/modal insan	1
	H4 Memberikan sumbangan yang progresif dalam pembangunan negara	1
	H4 Berfikiran di luar kotak dari segi ilmu/tindakan	1
	F5 Dihormati/disayangi oleh orang lain sama ada di negara/luar negara	1
	F6 Menjadi suri teladan kepada orang lain di peringkat antarabangsa	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi / Huraian	Markah
3(a)	F1 Menjimatkan perbelanjaan keluarga H1 Pengiktirafan ISO 9001 barangan tempatan setaraf dengan jenama antarabangsa H1 Barangan tidak dikenakan cukai yang tinggi F2 Meningkatkan imej negara H2 Mempromosikan jenama tempatan di mata dunia F3 Memajukan industri tempatan H3 Memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan F4 Mengelakkan pengaliran mata wang ke luar negara H4 Meningkatkan pendapatan negara H4 Membendung masalah inflasi F5 Barangan tempatan murah berbanding barangan import <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 10m]
3(b)	N1 Patriotisme N2 Rasional N3 Bertanggungjawab F1 Perubahan dari segi mentaliti/sikap rakyat kita sendiri untuk membeli barangan tempatan H1 Tidak mengagungkan barangan luar H1 Memberi peluang kepada industri tempatan F2 Peranan media massa H2 Menerangkan kebaikan barangan buatan Malaysia melalui media cetak/elektronik H2 Mempengaruhi minda masyarakat H2 Membeli belah dalam talian dengan lebih mudah F3 Peranan kerajaan H3 Menganjur karnival/kempen membeli belah H3 Menawarkan potongan harga yang istimewa untuk barangan tempatan F4 Peranan sekolah H4 Melalui mata pelajaran Pendidikan Moral/Bahasa Melayu tentang isu kepenggunaan H4 Memupuk semangat patriotik sejak kecil lagi <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 [Maksimum 2m] 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 9m]

TINGKATAN 5

BIDANG 5 INSAN BERMORAL

Unit 3: Kerohanian Membentuk Individu Bermoral

Standard Kandungan	5.3	Kerohanian Membentuk Individu Bermoral
Standard Pembelajaran	5.3.1	Menyenaraikan ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian
	5.3.2	Menjelaskan cara meningkatkan nilai kerohanian
	5.3.3	Menghuraikan kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral
	5.3.4	Meramalkan implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu

BAHAGIAN A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- Gambar berikut berkenaan rawatan kerohanian dalam menangani tingkah laku remaja bermasalah.



(Sumber: <https://www.ilhambooks.com>)

- Berdasarkan gambar di atas, senaraikan contoh tingkah laku remaja bermasalah.

- _____
- _____
- _____

[3 markah]

- (b) Terangkan **dua** nilai universal yang perlu diamalkan oleh remaja agar tidak terlibat dengan tingkah laku bermasalah.

- (i) _____

- (ii) _____

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah nilai kerohanian penting dalam membentuk insan berakhlak mulia?

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

BAHAGIAN B

[10 *markah*]

Jawab soal-an berikut.

- 2 Gambar berikut menunjukkan hubungan kekeluargaan yang erat.



(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5*, halaman 37)

Apakah perasaan anda melihat gambar di atas? Bincangkan ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian dalam memupuk keluarga bahagia. Jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

BAHAGIAN C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 3 Maklumat berikut berkaitan gejala kemurungan.



(Sumber: *Sinar Harian*, 04 Disember 2018)

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, ramalkan implikasi sekiranya nilai kerohanian diabaikan terhadap golongan ini. [10 markah]
- (b) Bincangkan langkah-langkah yang dapat diambil bagi meningkatkan nilai kerohanian dalam diri setiap individu agar gejala kemurungan dapat dielakkan berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	H1 Lumba motosikal H2 Ponteng sekolah H3 Buli H4 Melepak H5 Merempit H6 Bergaduh <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(b)	N1 Harga diri H1 Menjaga maruah diri/nama baik N2 Bertanggungjawab H2 Melakukan perbuatan yang berfaedah N3 Rasional H3 Membuang masa terlibat dengan masalah sosial N4 Kepercayaan kepada Tuhan H4 Berpegang teguh kepada ajaran agama/ mengamalkan nilai kerohanian N5 Hormat H5 Mendengar kata/nasihat daripada ibu bapa <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]
1(c)	H1 Sentiasa bercakap benar H2 Keputusan yang dibuat lebih tepat H3 Menjadi suri teladan H4 Mengelakkan remaja daripada terlibat dengan tingkah laku bermasalah H5 Dihargai oleh orang lain H6 Disayangi seluruh ahli keluarga/rakan <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Kasih sayang N2 Bertanggungjawab N3 Baik hati N4 Hormat N5 Rasional N6 Kepercayaan kepada Tuhan	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 2m]
	J1 Gembira/Seronok/Teruja/Bangga	1 [Maksimum 1m]
	F1 Saling menghormati antara ahli keluarga H1 Bercakap dengan sopan F2 Jujur dengan ahli keluarga H2 Berbincang jika ada masalah F3 Berpegang teguh kepada ajaran agama/kepercayaan H3 Memberi/menerima didikan agama yang baik H3 Bersyukur adanya keluarga yang harmoni F4 Adil dengan anggota keluarga H4 Layanan sama rata F5 Sayang antara satu sama lain H5 Tidak pilih kasih H6 Bawa pergi bercuti/makan bersama keluarga (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 8m]

Bahagian C

Soalan Esei

[illegible]

TINGKATAN 5

BIDANG 5 INSAN BERMORAL

Unit 4: Penggunaan Sumber Dan Penyebaran Maklumat Demi Kesejahteraan Sejagat

Standard Kandungan	5.4 Penggunaan Sumber Dan Penyebaran Maklumat Demi Kesejahteraan Sejagat
Standard Pembelajaran	5.4.1 Menyenaraikan contoh sumber dan maklumat yang sahih demi kesejahteraan sejagat 5.4.2 Mengenal pasti tatacara menggunakan sumber dan penyebaran maklumat demi kesejahteraan sejagat

BAHAGIAN A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat.

Penggunaan sumber dan penyebaran maklumat mestilah berdasarkan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Penyebaran maklumat yang sahih dapat menjamin kesejahteraan sejagat. Oleh itu, setiap individu perlulah memastikan maklumat yang diterima dan hendak disebarkan itu merupakan maklumat yang sahih serta daripada sumber yang boleh dipercayai.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5*, halaman 46)

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, berikan **tiga** contoh sumber dan maklumat yang sahih.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

[3 markah]

(b) Bagaimanakah penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang sahih dapat menjaga kesejahteraan sejagat?

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

(c) Terangkan **dua** nilai universal yang perlu diamalkan oleh seseorang individu dalam penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang sahih.

(i) _____

(ii) _____

[4 markah]

BAHAGIAN B

[10 *markah*]

Jawab soaln berikut.

- 2 Berikut adalah monolog berkaitan dengan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat.

Oh, ramai yang berkongsi tentang mesej ini! Lebih baik saya kongsikannya dengan rakan-rakan. Saya berharap dapat menjadi orang pertama berkongsi mesej ini dalam kumpulan media sosial saya.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5*, halaman 57)

Berdasarkan pernyataan di atas, maklumat atau mesej yang diterima tidak wajar dikongsikan begitu sahaja. Bincangkan tatacara penggunaan sumber dan penyebaran maklumat dalam kehidupan harian anda. [10 markah]

[illegible]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 3 Poster berikut berkaitan dengan penipuan jenayah siber.



(Sumber: <https://www.skmm.com>)

- (a) Berdasarkan perkara di atas, bagaimanakah seseorang individu boleh mengelakkan diri daripada jenayah siber? Berikan hujah anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]
- (b) Bincangkan peranan pelbagai pihak dalam mengatasi masalah jenayah siber seperti di atas. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	F1 Laporan penyelidikan/jurnal/artikel/tesis F2 Surat edaran kerajaan/surat pekeliling F3 Kitab F4 Buku ilmiah F5 Buku teks F6 Laman sesawang F7 Ensiklopedia <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(b)	F1 Memastikan kesahihan sesuatu maklumat F2 Mendapatkan pengesahan daripada pihak yang berkaitan F3 Menyatakan sumber rujukan F4 Menyebarkan berita/maklumat yang tidak menyentuh isu sensitif F5 Tidak memanipulasikan sesuatu isu untuk kepentingan sendiri <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(c)	N1 Rasional H1 Berfikir kesan penyebaran maklumat yang tidak sah N2 Kejujuran H2 Tidak menokok tambah maklumat/tidak menukar isi kandungan N3 Kebebasan H3 Menyebarkan maklumat yang sah sahaja N4 Bertanggungjawab H4 Mengenal pasti sumber rujukan bagi sesuatu maklumat sebelum menyebarkan maklumat tersebut <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	F1 Memastikan kesahihan sesuatu maklumat	1
	F2 Mendapatkan pengesahan daripada pihak yang berkenaan	1
	F3 Mengenal pasti sumber rujukan	1
	F4 Menyebarkan berita/maklumat yang tidak menyentuh isu sensitif	1
	F5 Mengelakkan daripada memuat naik isu negatif	1
	F6 Tidak menghantar gambar yang kurang sopan/pornografi melalui laman sosial	1
	F7 Tidak membuat serangan peribadi terhadap pihak yang lain	1
	F8 Tidak memanipulasikan sesuatu isu untuk kepentingan diri	1
	F9 Tidak mengubah isi kandungan maklumat/mesej/ berita yang diterima	1
	F10 Tidak memburukkan nama individu/ pertubuhan/ negara dalam media sosial	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	N1 Bertanggungjawab	1
	N2 Rasional	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Berfikir kesan mendedahkan maklumat peribadi kepada pihak luar	1
	H2 Tidak mudah terpengaruh dengan mesej/panggilan dari pihak luar	1
	H3 Jangan klik/tekan pada pautan yang diberi oleh orang yang tidak dikenali	1
	H4 Sentiasa memeriksa kesahihan/kebenaran mesej/panggilan yang diterima	1
	H5 Berhati-hati dalam urusan pembelian secara dalam talian	1
	H6 Tidak bertindak terburu-buru dengan tawaran istimewa menerusi internet	1
	H7 Memastikan sumber perolehan mesej yang diterima	1
3(b)	H8 Sentiasa membuat rujukan di laman sesawang <i>Sebenarnya.my</i> (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Maksimum 9m]
	H1 Masyarakat perlu memeriksa maklumat/mesej yang diterima sebelum bertindak	1
	H2 Masyarakat perlu mengenal pasti sumber rujukan sesuatu maklumat yang diterima	1
	H3 Masyarakat tidak tergesa-gesa memindahkan wang tanpa hitam putih	1
	H4 Masyarakat perlu melaporkan jenayah siber/ <i>scammer</i> kepada pihak berkuasa	1
	H5 Menggunakan perisian antivirus yang terkini bagi mengelakkan maklumat digodam	1
	H6 Media massa menularkan kes penipuan jenayah siber menerusi media cetak/elektronik/sosial	1
	H7 Mendapatkan pengesahan tentang mesej/panggilan /emel daripada pihak yang berkaitan	1

	H8 Kerajaan/pihak berkuasa memberikan kesedaran melalui kempen	1
	H9 Menguatkuasakan undang-undang/undang-undang jenayah siber	1
	H10 Mendakwa/mendenda/menghukum penjenayah/penyamar yang melakukan jenayah siber	1
	H11 Memberikan pendidikan etika/tatacara penggunaan sumber/penyebaran maklumat menerusi mata pelajaran Pendidikan Moral (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 10m]



BIDANG 6

JATI DIRI MORAL

Bidang Jati Moral membincangkan integriti organisasi dan integriti nasional sebagai asas dalam pembentukan jati diri moral. Bidang ini dapat membentuk individu yang boleh memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara. Selain itu, bidang ini turut memfokuskan unsur perikemanusiaan sebagai pemangkin yang menyumbang ke arah kesejahteraan global.

Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 5*

TINGKATAN 5

BIDANG 6 JATI DIRI MORAL

Unit 5: Integriti Pemacu Kecemerlangan Organisasi

Standard Kandungan	6.1 Integriti Organisasi
Standard Pembelajaran	6.1.1 Menjelaskan maksud integriti organisasi 6.1.2 Mengenal pasti cara melaksanakan integriti dalam organisasi 6.1.3 Menghuraikan kepentingan amalan integriti dalam organisasi

BAHAGIAN A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- Gambar di bawah menunjukkan paparan skrin maklum balas khidmat pelanggan di sebuah organisasi.



(Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5, halaman 72)

- Nyatakan **satu** nilai yang perlu diamalkan oleh pekerja bagi meningkatkan amalan integriti dalam sesebuah organisasi.

[1 markah]

- Nyatakan perasaan anda apabila menerima layanan mesra ketika berurusan di sesebuah organisasi. Berikan justifikasi anda.

[3 markah]

- (c) Sebagai pelanggan, cadangkan **tiga** tindakan yang sepatutnya anda lakukan agar pekerja dapat mengekalkan amalan integritinya.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

- (d) Berikan **tiga** implikasi pengabaian integriti dalam sesebuah organisasi.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

Jawab soaln berikut.


[illegible]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 3 Gambar di bawah menunjukkan konflik yang berlaku dalam sesebuah organisasi.



(Sumber: <https://erizkadd.files.wordpress.com>)

- (a) Apakah perasaan anda sekiranya terlibat dengan konflik dalam organisasi akibat percanggahan pendapat? Bincangkan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]
- (b) Konflik organisasi akan menjejaskan amalan integriti dalam organisasi. Huraikan kepentingan integriti dalam organisasi. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	N1 Bertanggungjawab N1 Rasional N1 Kejujuran	1 1 1 [Maksimum 2m]
1(b)	J1 Gembira/bangga/terharu H1 Mendapat perkhidmatan terbaik H1 Berasa selesa untuk berurusan dengan organisasi tersebut H1 Berasa bangga dengan perkhidmatan yang diberikan <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 [Maksimum 1m] 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(c)	H1 Mengucapkan terima kasih apabila mendapat perkhidmatan yang baik H2 Memberi senyuman semasa berurusan H3 Menunjukkan muka gembira/sentiasa positif semasa berurusan H4 Tidak mempengaruhi pegawai supaya mengetepikan sikap integriti mereka <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 3m]
1(d)	H1 Masyarakat hilang kepercayaan terhadap sesebuah organisasi H2 Budaya kerja yang tidak efisien H3 Rasuah semakin berleluasa H4 Imej organisasi akan tercemar/jatuh H5 Banyak kerja/tugas tidak dapat disiapkan H6 Pekerja menjadi malas/tidak bermotivasi <i>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 3m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	J1 Kecewa /sedih	1 [Maksimum 1m]
	N1 Hemah tinggi	1
	N2 Kerjasama	1
	N3 Bertanggungjawab	1
	N4 Hormat	1
	N5 Rasional	1
	N6 Toleransi	1
	N7 Harga diri	1 [Maksimum 2m]
	F1 Wujud sikap mementingkan diri sendiri	1
	H1 Hanya mengutamakan pendapat sendiri/tidak menerima pendapat orang lain	1
	F2 Tidak mengamalkan sikap terbuka dengan mendengar/ mempertimbangkan pendapat ahli organisasi yang lain	1
	H2 Beranggapan bahawa pendapat diri sendiri adalah terbaik	1
	F3 Tidak menunjukkan rasa hormat kepada rakan	1
	H3 Memaksa ahli organisasi lain untuk menerima pendapat sendiri	1
	F4 Pendapat tidak dipertimbangkan	1
	H4 Patut memberi sebab sesuatu idea itu ditolak	1
	F5 Timbul perselisihan faham/pergaduhan	1
	H5 Tidak dapat mengawal kemarahan apabila dikritik	1
	H5 Menyelesaikan masalah secara aman tanpa konflik	1
	F6 Menjejaskan imej diri	1
	H6 Hubungan sosial terjejas	1
	F7 Menerima pendapat yang mempunyai alasan munasabah	1
	H7 Menyumbang kepada pembangunan organisasi (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 [Maksimum 8m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	F1 Menilai sesuatu kelakuan/tindakan dengan pertimbangan yang wajar 1 H1 Keputusan yang cekap/pantas dapat diambil 1 F2 Memudahkan pengurusan sumber manusia yang berkualiti dalam organisasi 1 H2 Anggota organisasi dihargai 1 F3 Membentuk budaya kerja berintegriti 1 H3 Anggota organisasi yang bersih, cekap dan amanah dapat dibentuk 1 F4 Mengekalkan imej/kredibiliti/reputasi organisasi 1 H4 Memperoleh pengiktirafan daripada masyarakat 1 F5 Meningkatkan kecekapan perkhidmatan organisasi 1 H5 Visi/misi organisasi tercapai 1 F6 Memperoleh keyakinan orang ramai 1 H6 Kepuasan pelanggan dapat ditingkatkan 1 F7 Meningkatkan sensitiviti/akauntabiliti anggota organisasi 1 H7 Anggota organisasi yang komited dapat dilahirkan 1 F8 Menunjukkan tingkah laku yang beretika dalam organisasi 1 H8 Etika organisasi dipatuhi 1 (Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]
3(b)	H1 Budaya kerja tidak berintegriti berleluasa dalam sesebuah organisasi 1 H2 Kurang kesedaran tentang implikasi perbuatan tidak berintegriti 1 H3 Wujudnya sikap individualistik 1 H4 Takut/bimbang untuk membuat laporan perbuatan tidak integriti yang berlaku 1 H5 Menyelesaikan masalah melalui perbuatan tidak berintegriti/rasuah 1 H6 Tidak menjaga kerahsiaan negara/bocor rahsia negara 1 H7 Penyalahgunaan kuasa/ kedudukan/jawatan dalam sesebuah organisasi 1 H8 Tidak menghayati slogan Bersih, Cekap dan Amanah 1 H9 Isu rasuah berleluasa dalam sesebuah organisasi 1 H10 Etika organisasi tidak dipatuhi 1 (Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Maksimum 10m]

TINGKATAN 5

BIDANG 6 JATI DIRI MORAL

Unit 6: Pembangunan Negara Bertunjangkan Integriti

Standard Kandungan	6.1 Integriti Organisasi
Standard Pembelajaran	6.2.1 Menjelaskan contoh integriti demi pembangunan negara 6.2.2 Mengenal pasti cara melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara 6.2.3 Memerihalkan kepentingan integriti demi pembangunan negara 6.2.4 Merumuskan implikasi perbuatan yang tidak berintegriti kepada pembangunan negara 6.2.6 Mengamalkan tanggungjawab dengan berintegriti dalam kehidupan harian demi pembangunan negara

BAHAGIAN A

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 1 Maklumat berikut mengenai integriti asas pembangunan negara.

Integriti asas pembangunan negara. Oleh itu, setiap rakyat perlu melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti demi meningkatkan kemajuan negara.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5*, halaman 76)

- (a) Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan contoh integriti demi pembanguna negara dalam aspek ekonomi?

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

- (b) Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara?

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

(c) Apakah kepentingan integriti untuk pembangunan negara?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(d) Nyatakan **dua** implikasi perbuatan yang tidak berintegriti kepada pembangunan negara.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

BAHAGIAN B

[10 markah]

Jawab soalan berikut.

- 2 Maklumat berikut berkaitan tentang amalan integriti dalam pembangunan negara.

Kenaikan harga barang sering berlaku pada musim perayaan. Hal ini berlaku apabila terdapat segelintir peniaga yang mementingkan keuntungan semata-mata dengan menaikkan harga barangan tanpa kawalan.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5*, halaman 82)

Jelaskan amalan integriti bagi menyelesaikan isu kenaikan harga barang apabila tibanya musim perayaan. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 3 Rajah di bawah berkaitan tadbir urus yang baik.

Tadbir urus yang baik bermaksud cara melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemat dari segi membuat keputusan dan penyampaian hasil.

(Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5*, halaman 80)

- (a) Bagaimanakah Malaysia mengamalkan prinsip utama dalam tadbir urus yang baik demi pembangunan negara? Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]
- (b) Huraikan langkah-langkah meningkatkan daya saing negara untuk mengukuhkan tahap integriti demi pembangunan negara. [10 markah]

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Bahagian A Soalan Struktur

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
1(a)	H1 Menjanakan pendapatan negara mengikut undang-undang H2 Tidak menyalahgunakan kuasa harta/kemudahan yang disediakan oleh kerajaan H3 Mengisytiharkan cukai pendapatan secara jujur <i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1 1 1 [Mak 2 m]
1(b)	H1 Mematuhi peraturan dan undang-undang H2 Menjelaskan bayaran cukai H3 Mengelakkan perbuatan memberi/menerima rasuah H4 Mematuhi piagam pelanggan H5 Menyokong kempen pembangunan negara H6 Membayar balik pinjaman <i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 [Maksimum 4m]
1(c)	H1 Meningkatkan imej negara H2 Melahirkan budaya kerja yang efisien H3 Menegakkan keadilan dalam kalangan rakyat H4 Mewujudkan sistem pentadbir yang telus <i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 2m]
1(d)	H1 Kegiatan rasuah meningkat H2 Pergolakan politik berlaku H3 Imej negara terjejas H4 Kadar jenayah/masalah sosial meningkat <i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1 1 1 1 [Maksimum 2m]

Bahagian B

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
2	N1 Bertanggungjawab	1
	N2 Kejujuran	1
	N3 Kesederhanaan	1
	N4 Harga diri	1
	N5 Rasional	1
		[Maksimum 2m]
	H1 Menguatkuasakan undang-undang/mengenakan hukuman yang berat	1
	H2 Melakukan pemantauan dengan lebih kerap	1
	H3 Memastikan pengeluaran mengikut permintaan	1
	H4 Memperkenalkan mekanisme kawalan harga barang	1
	H5 Menetapkan harga siling terhadap barang asas yang mendapat permintaan tinggi	1
	H6 Menggesa golongan peniaga mempamerkan tanda harga pada setiap barang yang dijual di premis perniagaan	1
	H7 Menerima/menyelesaikan aduan tentang isu kenaikan harga barang	1
	H8 Menggalakkan individu menjadi seorang pengguna yang bijak	1
	(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)	
		[Maksimum 9m]

Bahagian C

Soalan Esei

Soalan	Isi/Huraian/Contoh	Markah
3(a)	N1 Bertanggungjawab	1
	N2 Kejujuran	1
	N3 Kerjasama	1
		[Maksimum 2m]
	F1 Mengutamakan pelanggan secara menyeluruh	1
	H1 Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan	1
	F2 Memberikan penekanan terhadap nilai-nilai positif	1
	H2 Memastikan setiap orang mengamalkan etika/nilai murni semasa menjalankan tugas	1
	F3 Menunjukkan ketelusan semasa berkongsi maklumat dengan pihak berkepentingan	1
	H3 Melalui prosedur kerja yang mudah difahami/tidak mengelirukan	1
	H3 Menjelaskan setiap tindakan yang dilakukan semasa melaksanakan sesuatu tugas	1
	F4 Memastikan sistem yang digunakan adalah cepat/tepat	1
	H4 Menggunakan sumber secara minimum untuk menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi	1
	F5 Melakukan perubahan supaya organisasi lebih berdaya saing	1
	H5 Tidak berasa takut untuk menerima perubahan baharu (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)	1 [Maksimum 9m]
3(b)	F1 Mengkaji semula sistem pendidikan negara	1
	H1 Mengkaji kekurangan yang terdapat pada sistem pendidikan dari semasa ke semasa	1
	H1 Berusaha menambah baik sistem untuk mewujudkan tenaga kerja yang berkualiti	1
	H1 Membentuk graduan yang berkualiti dalam pelbagai bidang	1
	F2 Memperkukuhkan ekonomi sektor swasta/IKS	1
	H2 Membantu pertumbuhan ekonomi negara	1
	F3 Mempertimbangkan kompetensi tenaga kerja	1
	H3 Tenaga kerja yang berada di dalam dan luar negara	1
	H3 Meningkatkan produktiviti pekerja	1
	F4 Mengkaji semula sistem subsidi	1
	H4 Meningkatkan kutipan hasil kerajaan melalui pengenalan cukai barangan/perkhidmatan	1
	F5 Memastikan sistem penyampaian yang cekap/berkesan	1
	H5 Berusaha menangani masalah	1
